# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 25 RABU 21HB. JUN, 1978. 1398 رابو 15 رجب PERCHUMA


### UNDANG2 PENYALAH-GUNAAN DADAH DI-KUAT-KUASAKAN MULAI 1HB JULAI

# HUKUMAN BERAT KA-ATAS PENGEDAR2 DAN PENYALAH-GUNAAN DADAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — **Butir2 mengenai undang2 baru yang bertujuan untok menghapuskan penyalah-gunaan dadah telah di-umomkan.**

Undang2 itu akan di-jalankan kuat-kuasa-nya mulai 1hb Julai ini atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan. Ia-nya mengandongi empat bahagian dengan 36 bab yang menggariskan kuasa2 mahkamah, kuasa2 pemereksaan dan penggelidahan, hukuman2 dan bahagian 'am.

Undang2 tersebut bergelar Undang2 Penyalah-gunaan Dadah, 1978 dan di-perbuat menurut perenggan 3 dari Perentah Dzarurat.

Ia-nya memberi kuasa kapada pehak Pulis, Kastam dan Imigeresen untok melaksanakan tugas2 penchegahan dan pengawalan terutama pemereksaan terhadap tempat2, rumah2 atau bangunan2 yang di-shaki di-gunakan dalam kegiatan2 penyalah-gunaan dadah dan demikian juga memereksa dan menggelidah kenderaan, kapal2, kapal terbang, hovercraft dan seumpama-nya.

Jika thabit kesalahan, mahkamah tidak saja boleh menjatohkan hukuman2 denda dan penjara, bahkan boleh memerentahkan perluchutan hak bagi pesawat2 dan kenaikan2 itu.

Dadah yang di-kawal itu dibahagikan kapada tiga kelas ia-itu kelas "A", "B" dan "C" yang masing2 mempunyai ratusan nama termasok chandu, dadah morfin, heroin dan cannabis atau damar cannabis.

Undang2 itu juga memberi jaminan untok melindongi nama2 pemberi-rahsia atau informer yang memberi kerjasama melaporkan kegiatan penyalah-gunaan dadah.

Pegawai2 Pulis dan Imigeresen di-bolehkan untok memerentahkan supaya orang yang di-shaki menjalani pemereksaan ayer kenching dan jika orang itu enggan menjalani pemereksaan tersebut ia boleh di-denda sa-hingga lima ribu ringgit.

Memperdagangkan dadah kelas "A" dan "B" yang di-kawal tanpa kebenaran boleh di-hukum penjara sa-hingga 20 tahun atau denda $40,000 atau kedua2-nya dan sebat 10 kali dan dadah kelas "C" penjara 10 tahun atau denda $20,000 sebat 5 kali.

Lihat muka 16

## Perkhidmatan STD bagi Temburong

BANGAR, Temburong. — Pengguna2 talipon di-Daerah Temburong sekarang boleh menghubongi ka-lain2 tempat di-negeri ini tanpa melalui ibusawat berikutan bermula-nya perkhidmatan sambong jauh terus dail — STD bagi daerah tersebut.

Perkhidmatan STD telah di-mulakan pada hari Jumaat minggu lalu. Pemangku Pegawai Daerah, Awang Abdul Aziz bin Muhammad ada-lah orang yang pertama menggunakan perkhidmatan tersebut.

Lihat muka 16



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika beruchap di-majlis tersebut. Di-belakang ia-lah Awang Haji Mashud, Pengerusi Majlis.

## PEJABAT2 K'JAAN YANG BELUM ADAKAN KELAS2 UGAMA DI-SERU MENGUSAHAKAN-NYA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat2 Kerajaan yang belum mengadakan kelas2 ugama saperti mempelajari bachaan Al-Kor'an, hukum2 Ugama Islam dan berzikir di-seru supaya melaksanakan kegiatan2 yang berkebajikan itu tanpa berlinggah2 lagi.

Seruan itu telah di-buat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika beruchap di-majlis khatamal Kor'an bagi penuntut2 Kelas Kor'an Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka yang di-pimpin oleh Johan qari Antara Bangsa, Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit yang juga pengerusi majlis yang berlangsong di-DBP dalam minggu lepas.

Pehin Orang Kaya Laila Wijaya juga menekankan seruan dan harapan-nya itu kapada pegawai2 Islam yang terkanan di-Pejabat2 Kerajaan yang belum mempunyai Ketua2 Pejabat yang berugama Islam supaya melaksanakan usaha2 keugamaan itu.

Yang Berhormat memberikan penghargaan yang setinggi2-nya kapada pejabat2 Kerajaan yang telah dan sedang berusaha giat dalam lapangan tersebut dan berharap supaya mereka itu akan terus-menerus mendalami pelajaran dan hukum2 Ugama Islam yang amat luas itu.

Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz berpendapat bahawa pegawai2 Islam ada-lah penting mengetahui asas2 Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap lagi sempurna itu dan memahami-nya menurut keupayaan masing2.

Dengan hal yang demikian, beliau yakin bahawa pegawai2 Kerajaan yang memegang amanah dalam Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. tidak akan menempoh kegelapan terhadap hukum2 yang seharus-nya di-jadikan asas pelaksanaan dasar2 Kerajaan Baginda itu.

Yang Berhormat menegaskan, tiap2 kakitangan Kerajaan samada yang bergaji hari mahupun bergaji bulan, berjawatan tetap, yang berpenchen, berkontrek hingga-lah pegawai2 yang setinggi2-nya dalam Kerajaan ada-lah masing2 memegang amanah menurut peringkat dan kadar lantekan mereka.

"Tiap2 yang memegang amanah itu ada-lah wajib mengendalikan tugas2 mereka dengan kejujoran dan penoh keadilan dan saimbang dengan gaji dan kemudahan2 yang mereka terima", ujar beliau.

Lihat muka 16

## AMARAN KPD AGEN2 PENJUAL KERETA:

## Jangan naikkan harga kereta tanpa kebenaran Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan sedang giat mengawasi tindak-tandok agen2 penjual barang2 mewah saperti berbagai jenis kereta dan peti2 TV untok mematahkan hasrat mereka bagi mendapatkan keuntongan yang tidak berpatutan atau melampau dari yang di-haruskan.

Peringatan telah di-keluarkan kapada 14 buah sharikat2 penjual kereta termasok agen2 penjual kereta jenis Toyota, Datsun dan Honda — jenis2 kereta yang paling di-gemari pada masa ini.

Dua minggu yang lalu melalui Pengawal Harga, Kerajaan telah mengeluarkan amaran kapada penjual peti2 TV supaya memberikan perkhidmatan yang memuaskan dengan mengenakan bayaran membaiki dan alat2 ganti yang berpatutan dan menyenaraikan butir2 kerosakan. Jika di-engkari, tindakan yang sa-timpal akan di-kenakan.

Pengawal Harga, Dayang Hajjah Jusnani bte Haji Lawie memberi amaran kapada agen2 penjual kereta itu supaya tidak menaikkan harga2 kereta yang di-impot itu daripada senarai harga yang di-berikan kapada Kerajaan, kechuali mendapat kebenaran.

Beliau menjelaskan bahawa harga2 yang dihadapkan oleh agen2 penjual kereta di-negeri ini ada-lah sedang di-dalam pengkajian untok di-teliti sa-belum sebarang ketetapan mengenai harga di-buat.

Ketetapan bagi harga2 jualan itu, sa-bahagian-nya sedang giat di-proses dan akan segera di-keluarkan, kata-nya.

Sementara itu, Pengawal Harga dalam melaksanakan kehendak Gazette Notification No. S 70, tahun 1978 telah memerentahkan kapada agen2 penjual kereta di-negeri ini bahawa semua kenderaan berjentera yang akan di-jual hendak-lah di-buboh tanda harga dengan memberi keterangan2 menge ai dengan harga2 jualan; bayaran insuran; chukai jalan; bayaran pendaftaran dan pemereksaan; harga plit lesen dan chat bawah dan seterusnya harga jualan penoh.

Pengawal Harga itu memberi amaran bahawa beliau tidak akan ragu2 melaksanakan tindakan yang perlu jika mereka tidak mengindahkan atau engkar mematohi segala arahan itu dengan sempurna dan memuaskan.

Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

21HB JUN, 1978

# KELAS2 UGAMA BAGI PEJABAT2

USAHA pegawai2 serta kakitangan Kerajaan bagi menambah lagi pengetahuan mereka dalam bidang2 ugama yang mana banyak Jabatan2 Kerajaan di-bawah pimpinan Ketua2 Pejabat dan Pegawai2 Kanan pada mengadakan kelas2 ugama, zikir dan Kor'an dan seumpama-nya samada sa-chara berasingan mahu pun sa-chara bersama dengan jabatan2 lain merupakan suatu usaha yang patut di-chontohi oleh mana2 pegawai2 serta kakitangan dan Jabatan2 Kerajaan yang maseh belum berkesempatan mengikuti dan mengadakan kelas2 tersebut. Usaha2 saperti ini dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Ugama sangat di-galakkan dan seharus-nya di-perluaskan lagi demi untok kepentingan masharakat kita dan Negeri Brunei Darussalam ini.

Berthabit dengan hal ini, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, ketika menyampaikan uchapan-nya di-majlis Khatamal Kor'an di-Dewan Bahasa dan Pustaka baru2 ini menyeru atau memohon supaya mana2 pejabat atau kakitangan pejabat yang maseh belum mengadakan kelas2 ugama supaya tanpa sebarang kelingahan akan menjalankan usaha yang berkebajikan itu. Dan mana2 pejabat yang belum mempunyai Ketua2 Pejabat yang berugama Islam, akan dapat mengadakan kelas2 ugama itu di-bawah kelolaan pegawai2 yang terkanan di-pejabat itu.

Usaha pegawai2 dan kakitangan Kerajaan pada meluangkan masa mengikuti kelas2 ugama, zikir dan Kor'an itu sa-lain dari menunaikan kewajipan kita kapada Allah s.w.t. maka ia-nya juga merupakan suatu pengorbanan besar jika di-nilai dari segi pegawai2 dan kakitangan Kerajaan sekalian ada-lah juga orang2 yang mempunyai tugas2 yang tertentu salain daripada kesibokan yang melibatkan urusan keluarga masing2 dalam kehidupan masharakat sahari2. Sa-lain dari itu, sa-bagaimana yang telah ditegaskan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya; tiap2 kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia samada yang bergaji hari mahu pun yang bergaji bulan, berjawatan tetap, yang berpenchen, berkontrek atau pegawai2 yang setinggi-nya dalam Kerajaan ada-lah masing2 memegang amanah menurut perengkat dan kadar lantekan masing2. Maka tiap2 yang memegang amanah itu ada-lah wajib mengendalikan tugas2 mereka itu dengan penoh kejujoran dan keadilan dan tidak akan menempoh kegelapan terhadap hukum2 yang seharus-nya di-jadikan asas pelaksanaan dasar2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia itu.

Sa-bagai seruan dari orang yang di-amanahkan itu, mari-lah kita, pegawai2 dan kakitangan Kerajaan, dari serendah2-nya membawa kapada setinggi2-nya menyahut seruan yang berkebajikan itu tanpa kelingahan dan penangguhan untok meluangkan masa bagi mengikuti, mengelolakan serta menyusun kelas2 ugama, zikir dan Kor'an samada sa-chara sa-pejabat, antara pejabat, bersama anak2 kampong, di-surau, masjid atau pun sa-chara perseorangan di-rumah masing2 untok sama2 mengetahui, mendalami dan seterus-nya mengamalkan hukum2 yang di-wajibkan bagi kita sa-bagai umat Islam dan sa-bagai pemegang amanah dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Hukum Allah s.w.t. ini saja-lah yang menjamin untok menchapai kestabilan, untok menchapai keadilan, kesejahteraan, keharmonian serta keselamatan di-dunia dan di-akhirat. Tiada chorak lain yang boleh menggantikan chorak Islam yang maha suchi itu, sesuai dengan dasar Kerajaan DYMM, menjadikan Ugama Islam sa-bagai ugama rasmi negara dan menjadikan Islam itu sa-bagai suatu chara hidup yang lengkap dan sempurna.

# Silat dan Kuntau

TUTONG. — Perlawanan silat dan kuntau perengkat Daerah Tutong akan di-langsongkan di-Pantai Seri Kenangan pada hari Ahad, 25hb Jun, mulai pukol 8.30 pagi. Sa-ramai 11 orang peserta akan menyertai perlawanan silat dan 11 orang lagi dalam perlawanan kuntau.

Perlawanan tersebut akan di-rasmikan oleh Penolong Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Maidin bin Pengiran Hashim.

Pemenang pertama dalam tiap2 bahagian akan mewakili Daerah Tutong ka-perlawanan perengkat sa-negeri yang akan di-langsongkan bulan depan.



Penuntut2 membacha Kor'an Dewan Bahasa dan Pustaka mengalu2kan ketibaan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ka-majlis Khatamal Kor'an yang telah berlangsong di-Dewan Bahasa dan Pustaka pada minggu lalu. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya juga telah beruchap di-majlis tersebut (lihat muka 1).

# SKPRK lantek 15 orang J-kuasa Tadbir

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 15 orang telah di-lantek sa-bagai jawatankuasa tadbir bagi Sharikat Kerjasama Pegawai2 Rendah Kerajaan di-Daerah Brunei dan Muara dalam bulan Mei yang lalu.

Perlantekan tersebut telah di-buat dalam mashuarat agong yang pertama di-upachara rasmi penubohan sharikat itu untok tempoh tahun 1978/79.

Awang Abdul Wahab bin Haji Abdul Latif telah di-pileh sa-bagai Pengerusi, Awang Puteh bin Jukin di-pileh sa-bagai Setia Usaha dan Awang Ma'aruf bin Haji Md. Ya'akub sa-bagai Pemegang Amanah.

Sementara Penolong Setia Usaha di-serahkan kapada Awang Muhammad bin Kassim dan Penolong Pemegang Amanah, Awang Md. Salleh bin Hitam.

Mashuarat yang pertama itu juga telah melantek 10 orang yang lain sa-bagai ahli jawatankuasa tadbir di-samping dua orang lagi ahli pemegang saham dilantek sa-bagai Pemereksa Kira2 Sharikat. Mereka ia-lah Pengiran Petra bin Pg Haji Md Yassin dan Awang Md Zain bin Haji Omar.

Bagaimanapun dalam mashuarat kali kedua sharikat itu yang di-adakan pada 21hb Mei bertempat di-Bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka, tiga jawatankuasa kechil telah juga di-bentok.

Dalam jawatankuasa kechil Pengurus Tempat, mashuarat telah melantek Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar (Ketua), Awang Sulaiman bin Haji Abdul Wahab dan Awang Osman bin Omar. Manakala Pengiran Sahbudin bin Pg Ahmad (Ketua), Pengiran Jambol bin Pg Haji Sulaiman dan Awang Haji Omar Ali bin Haji Mohiddin telah di-lantek sa-bagai Jawatankuasa Penerangan dan Pengurusan Saham Sharikat dan empat orang yang lain lagi telah di-lantek sa-bagai Jawatankuasa Penyelenggara Pengendalian) yang terdiri dari, Pengiran Omar bin Pengiran Besar (Ketua), Awang Haji Abidin bin Haji Laman, Awang Anuar bin Haji Tahir dan Dayang Ramlah bte Haji Abdul Halim.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 15hb Jun, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. PUSU KERING—$4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Leong Soon Huat,
   No. 1, Jalan McArthur.
2. LADA KERING — $.2.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Leong Soon Huat,
   No. 1, Jalan McArthur.
   b) Lam Seng,
   No. 3, Jalan McArthur.
   c) Hong Soon,
   No. 6, Jalan McArthur.
3. KACHANG HIJAU—80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Sharikat Haji Abdul Rahman,
   No. 94, Jalan Chevalier.
   b) Chop Aik Thye,
   No. 25, Jalan Sultan.
   c) Ming Thai & Co.,
   No. 32, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Ho Yun,
   No. 30-B, Jalan Sungai.
   b) Soon Seng Co.,
   No. 32, Jalan Pretty.
   c) Fon Soon,
   No. 60-A, Jalan Pretty.
2. LADA KERING — $2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   Ng Ming Hong,
   No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
3. KACHANG HIJAU — 85 sen sa-kati boleh **di-beli dari kedai berikut:—**
   Teo Hiong Hng,
   No. 45, Jalan Pretty.

**SERIA**

1. PUSU KERING — $3.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Yick Heo,
   **No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.**
2. LADA KERING — $3.20 sa-kati boleh di-di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Chin Siong Hin,
   No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Koh Seng Hong.
   No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
   c) Soon Kheng,
   No. 50-B, Jalan Bunga Kuning,
   d) Haji C. A. Mohammad & Son,
   No. 51, Jalan Bunga Kuning.
   e) Poh Sing,
   No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
   f) A. Muhammed,
   No. 66, Jalan Bunga Kenanga.
3. KACHANG HIJAU — 85 sen sa-kati boleh beli dari kedai2 berikut : —
   a) Chop Kun Mee,
   **No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.**

SUKACHITA di-ma'alomkan kapada pembeli2 dan orang ramai bahawa oleh sebab harga pasaran biji kopi telah turun baru2 ini, maka Pengawal Harga dengan ini menetapkan harga runchit bagi serbok kopi Chap Burong keluaran Chin Thian & Co. dengan susunan harga saperti berikut di-bawah ini : —

| JENIS BUATAN | BERAT-NYA | LAMA | BARU |
|---|---|---|---|
| Chap Burong | 10 tahil | $6.90 | $4.90 |
| „ „ | 5 tahil | $3.45 | $2.45 |
| „ „ | 2½ tahil | $1.75 | $1.25 |

# WI anjor peraduan sambut Keputeraan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertubohan Perkumpolan Perempuan (WI) Brunei akan menganjorkan Peraduan Kanak2 Sehat, Pertunjokan Bunga2 Hidup dan Pameran Urusan Rumah Tangga bersempena Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang akan di-adakan dalam bulan depan.

Peraduan Kanak2 Sehat akan di-adakan di-Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong pada 21hb Julai; di-Dewan Ria Pekan Bangar pada 23hb Julai dan di-Dewan Bandaran di-sini pada 28hb Julai.

Pertunjokan Bunga2 Hidup akan di-adakan di-Dewan Pusat Belia pada 16hb Julai sementara Pameran Urusan Rumah Tangga akan di-adakan di-Sekolah Melayu SUAS Pekan Muara pada 21hb Julai.

Borang2 untok menyertai Peraduan Kanak2 Sehat boleh di-dapati dari rumah2 sakit, kelinik2 kesihatan di-Daerah2 Brunei / Muara, Tutong dan Temburong.

Sementara itu Persatuan Pertiwi Brunei juga akan menganjorkan Pameran Urusan Rumah Tangga pada 21hb Julai bertempat di-Pusat Belia. Pameran ini ada-lah juga sa-bagai salah satu achara bagi sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Jenis2 yang akan di-pertandingkan dalam pameran tersebut ia-lah Masakan ayam berhias, daging, ikan, pais, achar dan nasi.

Kueh mueh saperti bingka, kueh talam, kek dan biskut.

Hasil pekerjaan tangan pula ada-lah saperti tudong dulang, bunga dian dan kedudokan-nya, lapik gangsa (tidak termasok rinda), tudong kepala buatan tangan, cushion (sa-pasang2), gubahan bunga2 liar, gubahan bunga meja daripada kertas dan gubahan bunga meja daripada ribin.

Keterangan2 lanjut mengenai pameran ini boleh di-dapati daripada Dayang Hajjah Jusnani binte Haji Lawie, Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

SUDAHKAN tuan mahir dalam bertani? Jika ingin tahu, sertai-lah Pertunjokan Pertanian Daerah Belait dan Daerah Brunei/Muara masing2 di-Steshen Pertanian Sungai Liang pada hari Ahad 17hb September 1978 dan Steshen Pertanian Kilanas pada hari Ahad 1hb. Oktober, 1978.

# PASOKAN KADET: MELATEH BELIA2 UTK MENJADI RAAYAT YANG BERTANGGONG-JAWAB

PANAGA. — Penubohan Pasokan2 Pulis Kadet ka-sekolah2 di-negeri bukan-lah bertujuan untok me-lateh belia2 bagi mema-soki perkhidmatan Pasok-an Pulis Diraja Brunei, tetapi ia-nya bertujuan un-tok melateh belia2 negeri ini menjadi raayat yang bersopan-santun dan ber-disiplin serta bertanggong-jawab.

Beruchap di-upachara penubohan dan melafazkan ikrar bagi Pasokan Pulis Kadet Daerah Belait pada pagi Khamis yang baru lalu, Dato Paduka Seri Laila Jasa C.T. Miller, Timbalan Pesurohjaya Pu-lis Brunei menyatakan, ada-lah sudah kena pada waktu-nya Negeri Brunei mengadakan badan2 seru-pa ini bukan sahaja untok memberi latehan2 dan pe-ngetahuan2 yang sangat2 di-kehendaki oleh belia2, ia juga dapat mengisi wak-tu2 kosong.

Kata-nya, badan2 seru-pa ini akan juga dapat menyekat belia2 kita dari berkeliaran tak tentu arah dengan membuang masa yang boleh melibatkan di-ri mereka dengan kegiat-an2 yang tidak di-ingini.

Walaupun kita sedia mengalu2kan belia2 ber-kenaan untok memasoki perkhidmatan Pasokan Pu-lis Diraja Brunei, jelas Timbalan Pesurohjaya Pu-lis itu lagi, namun tujuan-nya ia-lah untok memben-tok mereka menjadi raayat yang bersopan-santun, ber-disiplin dan bertanggong-jawab terhadap keamanan dan kesentosaan negara dan raayat negeri ini.

Dato Paduka Seri Laila Jasa C. T. Miller sa-terus-nya mengingatkan anggo-ta2 Pasokan Pulis Kadet itu, supaya selalu beringat akan apa yang mereka la-kukan samada dengan per-chakapan atau perbuatan hendak-lah di-tujukan un-tok memberi nama baik pasokan mereka.

"Jauhkan diri dari per-buatan yang boleh mero-sokkan nama baik Pasok-an Pulis Kadet dan Per-chaya-lah yang lain2 pe-nuntut dalam sekolah ka-mu yang tidak memasoki pasokan ini akan sentiasa memerhatikan segala ting-kah laku kamu, oleh yang demikian hendak-lah kamu chuba mengawal segala ke-lakuan dan perbuatan ka-mu agar nama baik Pasok-an Pulis Kadet tidak ter-chemar", Dato Paduka Seri Laila Jasa mengingatkan.

Sa-ramai 180 orang ang-gota Pasokan Pulis Kadet Daerah Belait dari lima buah sekolah menengah dan maktab telah mengam-bil bahagian dalam upa-chara penubohan itu yang sa-terus-nya melafazkan ikrar pasokan yang di-langsongkan di-dewan Pa-sokan Simpanan 'A', Pa-sokan Pulis Diraja Brunei di-sini.

Upachara pagi itu yang telah di-dahului dengan upachara memereksa dan menerima tabek kehormat-an perbarisan oleh Tim-balan Pesurohjaya Pulis di-padang kawat telah ju-ga di-hadhiri oleh Pegawai Daerah Belait, pegawai2 kanan Kerajaan, Ahli2 Yang Berhormat dan pe-ngetua2 sekolah.

Turut beruchap di-upachara itu termasok-lah Awang Ahmad bin Haji Jumat, Pengarah Pelajaran Brunei dan Supt. Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Haji Zai-nal, Komandan Pusat La-tehan Pulis Diraja Brunei. Kemudian-nya Timbalan Pesurohjaya Pulis telah ju-ga menyampaikan papan lenchana kapada pegawai2 dari kelima2 buah pasok-an.

## 4 berkursus di-luar negeri

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Dua orang Kaki-tangan Yunit Latehan Ja-batan Perjawatan kini se-dang berada di-England untok mengikuti kursus Latehan Pengajar.

Mereka ia-lah Awang Mustapha bin Haji Abdul Rahman, Pegawai Latehan dan Pg Yusof bin Pg Anak Hashim, Penyelia Kursus2 Latehan.

Kedua2 pegawai itu akan mengikuti kursus di-Crown Agents' Supply Training Centre di-West Sussex sa-lama enam minggu.

Lebeh dari 12 orang peserta dari negeri2 Ko-manwel menyertai kursus tersebut.

Sementara itu, dua kaki-tangan dari Jabatan Per-khidmatan Pos juga sedang mengikuti kursus lanjutan Kerani di-Pejabat Pos Si-ngapura.

Mereka ia-lah Awang Ahmad bin Nordin, Me-rinyu Pos dan Awang Merak bin Nyawa, Pe-mangku Penolong Ketua Pos, Tutong.

Kursus yang bermula pada 8hb Jun itu akan berakhir pada 1hb Julai. Sa-telah itu mereka akan mengikuti kursus praktikal sa-lama 10 hari ia-itu sa-hingga 11hb Julai.



GAMBAR atas menunjokkan Timbalan Pesurohjaya Pulis, Dato Paduka Seri Laila Jasa C. T. Miller memereksa barisan kadet sa-belum upachara melafazkan ikrar manakala gambar bawah Dato Miller menyampaikan papan lenchana kapada salah sa-orang pegawai kadet.



## *Pesta Ria*

BANDAR SERI BEGA-WAN.—Bahagian Melayu Radio Talivishen Brunei akan mengadakan Pesta Ria bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Kupang Daerah Tutong pada hari Sabtu 24hb Jun mulai jam 7.30 malam.

Beberapa achara hiboran yang menarek akan di-persembahkan pada malam itu. Antara-nya persem-bahan2 nyanyian dari pe-nyanyi2 yang berbakat, lawak jenaka, terima-lah sampul surat dan sa-jenak bersama Awda. Di-samping itu beberapa buah tarian asli dan moden juga akan di-persembahkan dalam pesta tersebut.

Orang ramai khas-nya pendudok2 di-sekitar Kam-pong Kupang ada-lah di-persilakan hadhir untok menyaksikan pesta ter-sebut.

# Peraduan2 sempena Hari Keputeraan Baginda Sultan

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Persiapan2 bagi mengadakan beberapa pe-raduan bersempena me-nyambut Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Diperuan Negeri Bru-nei yang ke32 tahun telah pun di-susun.

Di-Daerah Brunei/Mua-ra Peraduan Pintu Ger-bang dan Berchuchol Ru-mah2, sekolah2, bangun-an2 dan kedai2 ada-lah juga salah satu achara sempena perayaan pada ta-hun ini.

Peraduan pintu gerbang akan di-bahagikan kapada dua bahagian ia-itu pintu gerbang di-Jalan Raya dan pintu gerbang di-kawasan bangunan dan ia-nya ha-nya terbuka kapada per-satuan2, pemborong2 dan jabatan2 Kerajaan.

Peserta2 yang ingin me-ngambil bahagian dalam peraduan ini hendak-lah menghantar permohonan mereka kapada Pengerusi atau Setia Usaha Pera-duan beralamat di-Baha-gian Bangunan, Jabatan Kerja Raya.

Peraduan berchuchol ba-gi rumah2 dan sekolah2 ada-lah terbuka kapada sekolah2 dan rumah2 di-sa-panjang Jalan Tutong hingga ka-Batu 10; Jalan Gadong hingga ka-Ibu Pe-jabat Pulis Diraja; Jalan Muara hingga ka-Batu 7; Jalan Berakas hingga ka-batu 7, Kampong Burong Pingai Berakas, Kampong Anggerek Desa, Kampong Delima Satu dan Dua dan Jalan Kota Batu hingga ka-Sekolah Datu Gandi.

Peserta2 yang ingin me-ngambil bahagian dalam peraduan ini juga di-kehendaki membuat per-mohonan kapada Pengerusi atau Setia Usaha Peraduan tersebut.

Peraduan berchuchol ba-gi kedai2 dan bangunan pula ada-lah terbuka ka-pada bangunan dan kedai2 di-sekitar Bandar Seri Be-gawan dan mereka tidak di-kehendaki menghantar permohonan. Mereka ha-nya di-kehendaki menya-lakan chuchol mereka pa-da waktu2 yang di-tentu-kan.

Peraduan2 ini akan di-mulakan pada 15hb hing-ga 22hb Julai. Sa-tiap peserta hendak-lah menya-lakan chuchol mereka dari jam 6.30 malam hingga 12.00 tengah malam.

Peraduan Berchuchol Rumah2 Kampong Ayer pula akan di-adakan di-kawasan Kampong Ayer. Orang ramai terutama-nya pendudok2 kampong Ayer yang ingin menyertai pe-raduan ini hanya di-benar-kan menggunakan Chuchol Letrik Kerajaan, dan chu-chol ini terbahagi kapada tiga bahagian:-

i) Pejabat2 Kerajaan dan Sekolah2
ii) Persatuan2 Belia dan Kumpolan
iii) Orang2 Perseorangan.

Pemenang pertama chu-chol bahagian peseorangan akan menerima hadiah pu-singan sa-buah piala (ke-lihatan dalam gambar ba-wah) yang di-sumbangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Borang penyertaan boleh di-dapati daripada Penge-rusi atau Setia Usaha-nya d/a: Jabatan Setor dan Perbekalan Negara; Baha-gian Setor Workshop, Ja-lan Tasek Lama, Tel: 22236, atau Awang Teng-gah bin Md. Salleh, d/a: Dewan Bahasa dan Pus-taka, Bandar Seri Bega-wan, Brunei.

Tarikh tutop penyertaan ia-lah pada 12hb Julai, 1978.

Di-Daerah Belait, Perarakan Kenaikan Berhias, Tanglong Berjalan kaki dan Basikal Ber-hias juga akan di-adakan sa-bagai salah satu achara dalam sambutan Hari Keputeraan Baginda di-daerah itu.

Peraduan ini akan di-ada-kan pada 29hb Julai dan ia-nya ada-lah terbuka kapada persatuan2 belia, jabatan2 Ke-rajaan, sekolah2 dan maktab2 dan sharikat2 perniagaan.

Borang2 penyertaan seka-rang sedang di-edarkan dan boleh di-perolehi dari Setia Usaha Peraduan, Abang Mor-shidi bin Haji Abang Suhaili Sekolah Inggeris Perdana Wa-zir dan penolong-nya Awang Junaidi bin Haji Abd Rah-man, Jabatan Kenderaan Da-rat, Kuala Belait.

Tarikh tutop bagi menyertai perarakan tersebut ia-lah pada 15hb Julai, 1978 jam 3.00 petang.



# TOUGH NEW LEGISLATION ON DRUG ABUSE

BANDAR SERI BEGAWAN. — Punishments for trafficking in controlled drugs have been greatly increased under a new legislation on drug abuse due to come into force this July 1.

Under the new law known as Misuse of Drugs Enactment, 1978, any person found in possession of more than 100 grammes of opium, 3 grammes of morphine, or 2 grammes of heroine or 15 grammes of cannabis may be sentenced to 20 years imprisonment if the controlled drug is heroine, morphine, opium or cannabis and to 30 years imprisonment if that person sells or delivers it to persons below 18 years of age.

Strokes of whipping would also be imposed in addition to imprisonment.

The new legislation also provides that any police officer not below the rank of sergeant or an immigration officer may, if he reasonably suspects that any person has any controlled drug in his body, require that person to provide a specimen of urine for urine test.

If the person fails to provide it he may be sentenced to a fine of five thousand dollars.



MORE than eighty cyclists from throughout the State took part in a bicycle race held at the Old Airport, Berakas last Sunday (left).

The race, organised by the Brunei Amateur Cycling Association, was divided into three sections.

In the 10 laps section, Abdul Ghani bin Haji Abu Bakar was first and Jimmy Foo second.

Rosli Haji Mohammad Noor was first in the 15 laps section with Ivan Chia Kong winning the second prize.

In the 20 laps section (individual), First was Brian Hatton and second was Salim Sisa.

The team event in this section was won by Style Welding Company with the Shimano team coming second.

Prizes were presented by the Organiser of Physical Training, Awang Haji Hussein bin Haji Zainal.

## Society organises fifth photo Show

BANDAR SERI BEGAWAN.— The Photographic Society of Brunei is now organising the fifth Brunei Southeast Asia Salon of Photography 1978 as part of the programme to celebrate His Highness the Sultan's thirty-second birthday.

The exhibition, open to photographers in the State and throughout Southeast Asia, will take place here from November 4 to 14.

It will be divided into three sections namely Monochrome Print, Colour Slide and Colour Print.

Each participant can submit a maximum of six prints measuring not more than 16 inches and 20 inches and not less than 12 inches and 15 inches for Monochrome Print and 10 inches by 8 inches for the Colour Print.

For the Colour Slide, an entrant can also send as many as six slides which must be mounted with size of 2 inches by 2 inches and spotted in the lower left hand corner as viewed in an upright position.

The participants can choose any subjects they fancy for their prints and slides but entries previously submitted to any of the Society's salon exhibition will not be accepted.

The entry fee for each section is US$3.00 or B$5.00 or One Pound Sterling which must be enclosed with each entry form and sent under separate covers.

No entries will be judged or returned if the fee is not received.

The Salon Chairman Awang Haji Kamaluddin bin Pehin Datu Panglima Awang Haji Abu Bakar disclosed this week that nearly three hundred entry forms had been despatched to photographers in countries throughout Southeast Asia.

Last year's exhibition attracted more than two hundred entries from photographers in Brunei, Australia, Taiwan, Hong Kong, Philippines, Korea, India, Malaysia and Singapore.

This year there will be three special awards for the best entry in each section and three special awards for the best Brunei entries, in addition to the usual prizes of gold, silver and bronze medals for winners in each section.

Entry forms as well as further details are available from Awang Liew Kok Pheng at the Black and White Studio or P.O. Box 1025, Bandar Seri Begawan.

The closing date for sending in entries is August 31.

## BSP sponsors 32 at JBS of Engineering

KUALA BELAIT.—Thirty-two industrial trainees from the Brunei Shell Petroleum Company last week started the basic engineering course at the Jefri Bolkiah School of Engineering here under an important new sponsorship programme.

A BSP press release said the programme is aimed to follow the two-year course offered by the School of Engineering with Students taking the City and Guilds London Institute, CGLI, 820 examination in basic engineering after first year followed by a further specialised year of study and training for CGLI examinations in either mechanical or electrical engineering.

The release said the thirty-two candidates were selected from some three hundred applicants for BSP's Industrial Training Scheme.

Sixty others will be integrated into the BSP School at Seria.

It is the first time such a large number of industrial trainees have been sponsored by BSP although previously in the school's Telecommunication Department a number of technicians have been sponsored.

The trainees are former students of Anthony Abell College, Seria; Perdana Wazir English School, Kuala Belait; Sufri Bolkiah English School, Tutong; SOAS College, Bandar Seri Begawan and Berakas English School, Jalan Berakas.

The release said BSP has every confidence that the staff of the Jefri Bolkiah School of Engineering will produce the qualified technical trainees the Company needs.

The engineering workshops, it continued, are very well equipped and with the well-qualified and experienced staff handling the courses, the expectation is to continue the trend of steadily rising standards of students and qualification which has been evident in the years since the School of Engineering first graduation in 1973.

Commenting on the new intake, the Principal of the Jefri Bolkiah School of Engineering, Awang Mustaffa bin Abu Bakar, said: "Opportunities for successful students are good. The school welcomes participation by Government Departments or private firms in the sponsorship programme. It is the aim of the school to try to cater for the technical needs of the various concerns in the State".

## Some 3000 sit for exams

BANDAR SERI BEGAWAN. — Nearly three thousand candidates are sitting for the commercial examinations at fourteen centres throughout the State this week.

The examinations, organised by the Malay Shorthand Institute of Singapore, are in typewriting, shorthand, stenography and book-keeping.

Meanwhile three hundred and fifty-nine candidates including forty-nine private ones having been taking the City and Guilds examinations at four centres since early last month.

Of the candidates, one hundred and seventy-six including eighteen private are sitting for the exams at the Brunei Shell Pertoleum Company Vocational School, Seria, eighty-three at the Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait; sixty-five at the Brunei Technical Training Centre, Jalan Muara; and thirty-five including thirty-one private at the Sultan Saiful Rizal Building Trade School, Jalan Muara.

The examinations are scheduled to end today.

## Commemorative coins still available

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Chairman of the Brunei Currency Board, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee has announced that a limited number of the proof quality $10.00 Silver coins in Commemoration of the Tenth Anniversary of the Brunei Currency Board are still available for sale to the public.

Of 3,000 coins which were put on sale, only 500 remain.

Each coin costs $55.00 and is in a presentation box which also contains a certificate of authenticity.

The coins are obtainable from the office of the Brunei Currency Board, Ground Floor, Secretariat Building, here on Mondays, Tuesdays, Wednesdays, Thursdays and Saturdays from 8.00 a.m. to 11.30 a.m. and from 2 p.m. to 3.30 p.m.

## More people donate blood

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Blood Bank here collected more than eighty pints of blood last week from donors in the Brunei Muara and Temburong districts.

The students and teachers of the SOAS College here donated thirty-four pints on Thursday while members of the Singapore Armed Forces who are currently undergoing training in the Temburong District contributed some fifty pints the following Sunday.

This is the second time members of the Singapore Armed Forces have donated blood this year.

With the latest donation, the bank has now collected more than nine hundred pints of blood since the current campaign was launched in January this year.



## Arts and crafts exhibition

BANDAR SERI BEGAWAN. — Nineteen Primary English Schools in the Brunei Muara and Temburong districts last Sunday held a joint crafts and arts exhibition at the Haji Muhammad Salleh Malay School, Sungai Hanching, in Jalan Muara.

The exhibition, the thirteenth to be organised, was declared open by the Chief Scholarships and Welfare Officer, Awang Haji Hamdani bin Haji Abdul Rahman.

Overall winner was the Anggerek Desa English Prep School while the Dato Godam English Prep School, Sungai Kedayan, and the Haji Tarif English Prep School, Kampong Tamoi, tied for second place.

Last year the exhibition was won by the Lumapas English Prep School with the Dato Godam English Prep School getting second place and the Dato Ahmad English Prep School, Burong Pingai, third place.

The Brunei Muara District Supervisor of schools, Awang Haji Julaihi bin Sulaiman gave away the prizes to the winners.

## Three new schools

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Government has accepted tenders for the construction of three new schools in the Temburong and Brunei and Muara districts.

Two of the schools will be built at Kampong Semabat and Kampong Negalang in the Temburong District while the third will be constructed at Kampong Mata-Mata, Gadong near here.

The Kampong Semabat school will be constructed by Haji Abdul Rahman Kilali at a cost of $455,575 and is scheduled to be ready in eight months time.

When completed it will have one block of six classrooms, one administration block, a hall, a kitchen and a playing field.

The school at Kampong Negalang will cost $209,025 and when completed will have one block of five classrooms and a playing field.

The contractor, Ting Pang Hang and Son Construction Company, is expected to complete the job within eight months.

The tender for the Kampong Mata-Mata school complex has also been awarded to Haji Abdul Rahman Kilali who is to complete work on the school in eleven and a half months.

The school will cost $987,384 and will consist of among other things two blocks of twenty-four classrooms, an administration block and a playing field.




# PERTAHAN DAN PELIHARA KESUCHIAN UGAMA ALLAH

UGAMA Islam ada-lah rahmat dan nekmat yang maha besar kapada manusia, ugama penyelamat yang lengkap lagi sempurna, sabagaimana firman Allah di-dalam Al-Kor'an yang maksud-nya:

*"Pada hari ini Aku telah sempurnakan untok kamu ugama kamu, dan Aku chukopkan nekmatku atas kamu, dan Aku telah redza ugama Islam itu menjadi ugama kamu".*

Dari itu mari-lah kita sama2 menjaga dan memelihara nekmat yang besar ini, daripada segala tindakan kita yang tidak selaras dengan kesuchian-nya. Kita pelihara dan kawal ia daripada perchubaan orang2 yang ingin memburok2kan-nya, dan lebeh2 lagi dari mereka yang sentiasa chuba merobah hukoman-nya. Ada pun musoh2 Islam itu terdapat di-mana2, mereka ini berusaha hendak memadamkan chahaya Allah dengan amalan dan kata2 mereka. Mereka mempunyai medan yang luas, yang sedia dan di-ranchang dengan rapi serta terator, ia-itu melalui banyak chara: alat2 mass media, lagu2 sekolah, pertubohan2 dan juga dengan mengubah chara hidup masharakat melalui feshen2 pakaian, pergaulan yang bebas dan juga makanan dengan bertopengkan chap "moden" atau semboyan2 "hidup moden".

Ugama Islam tidak menolak kemajuan, tetapi yang di-tolak-nya ia-lah maksiat dan derhaka yang di-bawa oleh kemajuan itu. Umat Islam di-zaman Nabi, dari tidak maju kapada maju sa-hingga dapat membentok negara Islam yang pertama di-Madinah dan kemudian-nya berkembang lagi membentok empayar2-nya yang luas, tetapi tidak mengubah sedikit pun "chara hidup Islam" yang berteras dan berintikan ta'at kapada Allah dan Rasul serta berpegang kapada Al-Kor'an. Hukum Islam tetap berjalan dan di-patohi juga. Sahabat2 dan umat Islam sa-makin rakus beribadat, sa-makin insaf bahawa ini-lah nekmat dan rahmat Allah yang wajib di-shukori. Yaani dalam maju mereka itu, mereka tetap tidak menchamporkan yang hak dengan yang batil, kebajikan dengan maksiat. Mereka terus maju, maju dalam bidang hidup dan maju dalam sikap dan semangat yang tidak sekali2 berganjak dengan hukum2 Allah. Ini-lah sabenar2-nya maju, maju yang beridentiti, yang tegap dan sangat2 di-khuatiri oleh musoh.

Demikian-lah, bersempena masa ini pertandingan2 membacha Al-Kor'an di-adakan bagi memileh wakil2 untok ka-pertandingan perengkat negeri yang akan di-adakan pada akhir Rejab dan awal bulan Julai ini Insha Allah, maka mari-lah kita sama2 berazam memuliakan kitab Allah itu dengan membacha dan berpegang tegoh kapada ajaran2-nya. Ini-lah kitab yang sa-benar2-nya tempat kita merujok, benting yang sangat tegoh serta penyelamat yang boleh memberikan perlindongan kapada kita dari apa jua bentok dan rupa fitnah. Syedina Ali bin Abi Talib pernah berkata: "Saya telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda yang erti-nya:

*"Akan datang nanti suatu fitnah (mala petaka). Lalu saya tanyakan apakah jalan keluar daripada fitnah itu? Baginda menjawab: "Kitab Allah! Di-dalam-nya terdapat berita sa-belum kamu dan berita kemudian sa-sudah kamu dan ia menjadi hakim terdapat apa yang berlaku di-antara kamu, ia yang memberi keputusan yang benar bukan yang salah. Barang siapa meninggalkan-nya dari kalangan orang yang zalim akan di-binasakan oleh Allah, dan barang siapa menchari hidayah (petunjok) selain daripada-nya akan di-sesatkan oleh Allah. Dia-lah tali yang tegoh dan dia-lah perkataan yang mempunyai hikmat dan dia-lah jalan yang lurus yang tidak sama sekali dapat di-ubah oleh hawa nafsu dan di-kelirukan oleh perkataan2 ........."*

# UGAMA ISLAM MENYELESAI KRISIS HIDUP

**Bingkisan minggu ini**

HIDUP ada-lah perjuangan, dan arena perchaturan-nya ada-lah dunia yang luas ini, di-mana manusia turut terlibat.

Manusia berdasarkan sifat semula jadi-nya adalah makhlok yang lemah. Lemah kerana tidak berdaya mengatasi semua masaalah dan kesulitan yang menimpa kehidupan-nya. Kerana kekuatan fizikal dan mentaliti-nya sangat terbatas.

Namun demikian ujudnya manusia di-muka bumi ini terpaksa menunaikan tanggong-jawab kemanusiaan-nya demi untok memenohi kehendak2 kehidupan duniawi untok menchapai kebahagiaan dan kemakmoran, samada untok kepentingan peribadi, keluarga, masharakat dan sa-umpama-nya yang dari-nya akan timbul berbagai masaalah dan krisis yang terpaksa dihadapi.

Ini bermaksud hidup manusia penoh dengan krisis, krisis itu pula berbagai2 bentok dan choraknya, kadang2 ia menimpa sa-seorang atau sesuatu kaum tetapi yang lain tidak mengalami-nya. Mungkin sesuatu krisis itu di-pandang remeh oleh satu kaum, tetapi mungkin di-pandang berat oleh kaum yang lain. Hal ini berlaku kerana chorak kehidupan dan pemikiran sa-seorang atau masharakat itu berlainan. Dan kadang2 juga ia tertaklok kapada masa dan keadaan serta pengaroh alam sakeliling.

Semua krisis kehidupan itu walau pun apa bentok, apa sebab dan tujuan-nya sekalipun, menurut ahli kaji masharakat ia-nya berpuncha dari 'hawa nafsu' manusia itu sendiri. Nafsu sesunggoh-nya bijak menchari pintu kelemahan manusia. Sebab itu-lah Allah sentiasa mengingatkan keburokan nafsu kapada manusia dengan firman-Nya yang antara lain saperti dalam Surah An-Nazi'at ayat 40-41 bermaksud kira2:

*"Dan ada pun orang2 yang takut kapada kebesaran Tuhan-nya dan menahan diri dari keinginan hawa nafsu-nya, maka sesunggoh-nya shorga-lah tempat tinggal-nya".*

Jadi manusia menghayati kehidupan-nya dengan perjuangan yang serius, ia-itu 'jihad jiwa, maka untok melawan keganasan hawa nafsu itu, ugama Islam telah menyediakan ibadat sembahyayng, ia-itu satu chara yang berkesan untok memerangi maksiat dan munkar. Islam menyediakan puasa bulan Ramadhan untok memerangi keinginan hawa nafsu. Islam menyediakan ibadat zakat untok memerangi sifat2 tamak dan bakhil, dan sa-terus-nya Islam menyediakan ibadat haji untok melateh manusia supaya sanggop berhijrah pada jalan Allah.

Dengan ini jelas-lah kapada kita betapa penting-nya ugama Islam dalam kontek penyelesaian krisis kehidupan manusia. Islam sesunggoh-nya dapat memberikan sumbangan supaya manusia hidup dalam aman damai di-bawah lindongan 'Nor Ilahi yang sentiasa menyinari alam maya berdasarkan ajaran2 Al-Quran dan Sunnah Nabi.



KELIHATAN dalam gambar di-atas YDM. Pehin Orang Kaya Pekerma Sura Haji Abdul Manan bin Mohammad sedang menyampaikan perisai kapada Dayang Maisalamah bte Tunggal, johan qariah bagi Daerah Tutong dalam pertandingan membacha Al-Kor'an bagi daerah tersebut yang telah di-adakan pada malam Ahad, 11hb Jun yang baru lalu. Sementara johan qari daerah itu ia-lah Awang Junaidi bin Sabtu. Kedua2 mereka akan mewakili Daerah Tutong ka-pertandingan membacha ayat2 suchi Al-Kor'an perengkat negeri yang akan di-adakan pada awal Julai ini di-Ibu Negeri. (Gambar JHEU).

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari, terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 21hb Jun, 1978 hingga ka-hari Selasa 27hb Jun, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 21hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 22hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 23hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 24hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 25hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 26hb Jun | 12.29 | 3.49 | 6.40 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 27hb Jun | 12.29 | 3.49 | 6.40 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**




# SOKAN TAHUNAN PASOKAN KADET AMDB KALI PERTAMA



PEKAN TUTONG.—Pasokan Kadet AMDB Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dan Pusat Tingkatan Enam, Jalan Muara telah munchol sa-bagai johan dalam temasha sokan tahunan antara pasokan kadet AMDB kali pertama yang telah di-adakan di-Arena Sokan SMM. Muda Hashim di-sini pada hari Jumaat 9hb Jun yang baru lalu.

Tempat kedua di-menangi oleh Pasokan Kadet SMM. Muda Hashim dan tempat ketiga Pasokan Kadet Maktab SOAS. Manakala johan perseorangan di-temasha itu di-menangi oleh Kadet Rahim bin Pungut dari Pasokan Kadet SMM. Muda Hashim.

Temasha yang di-adakan sa-hari itu telah di-sertai oleh kira2 300 orang anggota kadet dari delapan buah pasokan di-seluroh negeri dengan 15 achara permainan telah di-pertandingkan termasok satu achara bagi pegawai2 kadet.

Achara2 itu termasok-lah lari 100 meter, 400 meter, 800 meter, 500 meter, lompat bergalah, lompat kijang, buang peluru, lontar lembing dan lompat jauh, sementara dalam achara tarek kalat yang di-jalankan di-sebelah petang, Pasokan Kadet Maktab Anthony Abell, Seria telah menjadi johan; Pasokan Kadet MMPSBS dan PTE di-tempat kedua dan Pasokan Kadet Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah di-tempat ketiga.

Menurut sa-orang juruchakap pasokan itu kapada Pelita Brunei, hadiah2 kapada pemenang2 di-temasha sokan hari itu hanya akan dapat di-sampaikan dalam temasha memperingati penubohan Pasokan Kadet AMDB yang akan di-adakan dalam bulan Oktober depan bertempat di-Perkhemahan Bolkiah di-mana beberapa achara sambutan akan di-jalankan.

Sementara itu dua lagi kegiatan tahunan pasokan itu akan di-adakan pada 21hb dan 28hb Julai depan di-mana pertandingan kawat antara pasokan di-jalankan di-Perkhemahan Bolkiah dan pada 9hb Julai achara 'canoeing' akan di-jalankan di-Pantai Pebarasan, Serasa.






**GAMBAR** atas menunjokkan salah sa-orang peserta di-temasha itu yang berjaya melimpasi palang di-achara lompat bergalah sementara gambar bawah kelihatan peserta dalam achara lumba lari 100 meter bersedia di-garisan permulaan. Gambar paling bawah kelihatan pelari yang berbaju gelap itu berjaya mendudoki tempat pertama dalam achara lumba lari lompat pagar sa-jauh 100 meter.

**GAMBAR paling atas menunjokkan salah sa-orang peserta sedang menumpukan sepenoh tenaga untok menchapai lontaran yang jauh dalam achara lontar lembing dan gambar atas sa-orang peserta dalam achara buang peluru sedang membuat buangan sekuat2 tenaga. Gambar kanan menunjokkan achara lompat kijang sementara gambar bawah menunjokkan sa-bahagian dari anggota kadet yang turut mengambil bahagian dalam temasha tersebut.**









# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivshen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikir-kan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 21HB. JUN,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ENCYCLOPAEDIA BRITANNICA "King Kong: Fact or Fantasy?"
6.28 ADVENTURES OF MUHAMMAD ALI — "Were Wolf"
6.39 AZAN MAGHRIB
6.43 ADVENTURES OF MUHAMMAD ALI — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HAWAII FIVE O — "30,000 Rooms and I Have the Key" David Wayne pelakun jemputan da-lam episode ini sa-bagai sa-orang pen-churi yang mempunyai chara tersen-diri menchuri barang2 kemas dari Hotel Waikiki.
7.51 AZAN ISHA
7.55 HAWAII FIVE O — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 MAJLIS PERBINCHANGAN
9.00 WORLD CUP FOOTBALL
10.40 BEWITCHED — "Toys in Babeland" Siri komidi baru, episode pertama.
11.10 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 22HB. JUN,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HOT WHEELS
6.30 THE SECRET OF ISIS Siri baru kesah pengambaran untok kanak2.
6.39 AZAN MAGHRIB
6.43 THE SECRET OF ISIS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE OREGON TRAIL — "Hannah's Girls" Stella Stevens pelakun jemputan ber-lakun sa-bagai ketua dalam satu kum-polan perempuan2 yang menambah-kan semangat kapada Evan Thorpe dan anak2 buah yang lain.
7.51 AZAN ISHA
7.55 THE OREGON TRAIL—sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 HIDAYAT
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.15 DOKUMENTARI MELAYU: "Jiran2 kita di-Asia, Australia"
11.45 SIARAN TAMAT.



"Hannah's Girl" dalam OREGON TRAIL minggu ini akan dapat di-saksikan pada hari Khamis jam 7.15 malam.

## JUMAAT — 23HB. JUN,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL — "Menziarahi kawan2"
5.30 HERE'S MUMFIE — "Mumfie at the Carnival"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.30 EXPLORE THAILAND
6.39 AZAN MAGHRIB
6.43 THAILAND SPECIAL — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DONNY AND MARIE OSMOND SHOW
7.51 AZAN ISHA
7.55 DONNY AND MARIE OSMOND — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 THE WATER MARGIN — Episode kesembilan. Kao Chiu dukachita kerana ranchang-an-nya untok memusnahkan Lin Chung tidak berjaya. Tetapi Huang Wen-Ping, mempunyai ranchangan-nya sen-diri untok menawan Lin Chung.
9.50 THE GOOD LIFE — "Guru of Surbiton" Tom dan Barbara menarek perhatian sa-bilangan orang tentang kehidupan mereka. Jerry dan Margo ia-itu jiran sa-belah-nya tidak senang hati.
10.30 MYSTERY MOVIE — Columbo: "Fade into Murder"
12.00 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 24HB. JUN,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CHILDREN'S FEATURE — "Hijack"
6.39 AZAN MAGHRIB
6.43 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 STARSKY AND HUTCH — "The Set-Up" — Bahagian pertama.
7.51 AZAN ISHA
7.55 STARSKY AND HUTCH —
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 WORLD CUP FOOTBALL
10.10 ROOTS — Episode ke-enam Kizzy, sekarang menjadi suri rumah tangga yang mempunyai paras yang jelita, sa-masa menjadi sa-bagai hamba abdi, dia menanggong kesengsaraan yang tiada terhingga. Anak-nya George pula hanya menghabiskan ma-sa-nya bersama Mr. Moore.
12.10 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 25HB. JUN,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL — "Salji"
5.30 THE MAGIC BALL — "The Nervous Bagpipes"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 NEW SCOOBY DOO — "The Creepy Cruise"
6.28 THE PARTRIDGE FAMILY — "Guess Who's Coming to Drive" Pemandu sementara Keluarga Par-tridge melawat di-musim panas, ia-lah sa-orang bekas dari penjara.
6.39 AZAN MAGHRIB
6.43 THE PARTRIDGE FAMILY — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BIONIC WOMAN — "Out of Body"
7.51 AZAN ISHA
7.55 BIONIC WOMAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 WORLD CUP SEMI FINAL
10.30 PUSPARAGAM
11.15 THAT'S HOLLYWOOD
11.45 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 26HB. JUN,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE ROVERS — "Coma"
6.28 SERIKANDI
6.40 AZAN MAGHRIB
6.44 SERIKANDI — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
7.52 AZAN ISHA
7.56 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 WORLD CUP — FINAL
10.10 DOKUMENTARI: Horizon "What's Wrong With the Sun"
11.00 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 27HB. JUN,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.40 AZAN MAGHRIB
6.44 SESAME STREET — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MAN FROM ATLANTIS — "Hawk of Mu" Bila kekuatan elektrik telah putus hingga jauh-nya 80 batu, Mark Harris telah di-panggil untok menyiasat, sa-bagaimana di-ketahui benda2 ini ber-ada di-dalam laut.
7.52 AZAN ISHA
7.56 MAN FROM ATLANTIS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 BARETTA "Murder for Me" Tony Baretta menchuba untok menge-kor sa-orang bapa yang pemanas mem-bunoh sa-orang doktor di-perchayai bertanggong jawab ka-atas kematian anak-nya.
9.50 ENTERTAINERS ON TOUR Donna Hightower — USA.
10.20 DOKUMENTARI MELAYU: National Geographic "Monyet2, berok2 dan Manusia."
11.10 SIARAN TAMAT.



KEMBALI menemui para penunton siri komidi yang akan di-mulakan pada minggu ini di-RTB. Siri ini di-bintangi oleh Dick York sa-bagai Darin Stephens, sa-orang lelaki Ameri-ka yang biasa dan berkerja di-sebuah ajensi pengiklanan. Tetapi penghidupan keluarga-nya ada-lah jauh dari biasa. Ia menghadapi masa-alah2 yang lebeh sulit dengan ibu mertua-nya, Endora, yang merupakan sa-orang ahli sihir — dan juga sa-orang yang jelita! isteri-nya, Sa-mantha ada-lah juga sa-orang ahli sihir dan boleh mengenakan sumpahan2 dan membuat berbagai tipu helah yang ganjil, sama sa-perti ibu-nya.

Dalam episod minggu ini Endora telah di-minta untok menjaga Tabatha, anak perem-puan Darin yang maseh kechil. Tetapi dengan tak di-sangka2 ia di-undang ka-tempat lain, lalu ia menggunakan kuasa sihir-nya, dan memberi nyawa kapada sa-buah mainan patong askar untok menjaga Tabatha. Malang-nya Tabatha menyaksikan perbuatan nenek-nya, lalu ia pun memberi nyawa kapada semua mainan2 yang lain. Tentu-lah para penunton akan dapat bayangkan kekechohan yang ber-laku dan Samantha dan Darin akan pulang tak beberapa lama lagi — dengan membawa kawan2 mereka yang di-undang untok jamuan makan malam.

Gambar atas Elizabeth Montgomery sa-bagai Samantha dan Dick York sa-bagai Darin dalam BEWITCHED.



LESLIE Uggams berlakun sa-bagai Kizzy, anak perempuan Kunta Kinte dalam episod ka-enam ROOTS. Para penunton di-ingat-kan bahawa untok minggu ini sahaja "ROOTS" akan di-tayangkan pada hari Sabtu jam 10.10 malam.



PENYANYI yang baru munchol, tetapi mempunyai bakat dalam seni suara, dia ia-lah Dayang Marzinah Masri telah mengalunkan sa-buah lagu sa-masa Pesta Ria di-Dewan Sekolah Melayu Lumut baru2 ini.

# BERGEMBIRA DALAM PESTA RIA

PERANAN Pesta Ria dalam memberikan hiboran kapada orang ramai bukan lagi menerusi peti radio sahaja tetapi yang lebeh menarek hati ia-lah Pesta Ria memberikan hiboran pentas kapada para penunton di-bandar2 hingga ka-kampong2 sa-olah2 itu-lah "Teater Keliling" di-negeri ini. Pada masa ini ranchangan Pesta Ria boleh di-katakan di-adakan tiap bulan.

Memandang kapada sambutan ramai begitu hebat maka persembahan Pesta Ria Radio Brunei bukan sahaja sa-takat di-adakan di-bandar2 tetapi telah di-adakan di-kampong2 yang di-fikirkan mempunyai ramai pendudok saperti di-Lamunin, Limau Manis, Sungai Liang, Lumut dan lain2 dan Daerah Temburong terletak di-atas sekali dalam senarai kita mengadakan pesta ria untok hiboran orang ramai di-daerah pendalaman.

Ranchangan Pesta Ria ini mendekatkan dan memperkenalkan bintang2 yang di-lahirkan oleh RTB saperti bintang2 Mutika dan Bintang2 Radio kerana dalam kesempatan ini para penunton di-kampong2 akan dapat menyaksikan dari dekat bintang2 penyanyi2 RTB itu. Di-samping itu bagi penyanyi2 tanah ayer yang berbakat Pesta Ria merupakan anak tangga pertama bagi menjangkau impian dan chita2 di-masa depan. Kerana menerusi ranchangan Pesta Ria ini penyanyi2 yang baru munchol itu sa-chara tidak langsong di-perkenalkan kapada penerbit2 ranchangan radio yang lain untok mempopularkan mereka, malah menerusi ranchangan Pesta Ria ini Penerbit2 TV juga akan memberikan perhatian kapada bakat2 baru itu. Dan dari sana-lah mereka yang berbakat akan mula bertapak lebeh kuat dalam menchapai chita2 di-bidang seni suara.

Ranchangan Pesta Ria dapat di-letakkan di-antara 'Top Programme' dalam senarai ranchangan Radio Brunei dan waktu kebelakangan ini persembahan Pesta Ria semakin banyak membawa para penunton melibatkan diri dalam menjayakan-nya saperti dalam ranchangan Terima-lah Sampul Suratku, Sa-jenak Bersama Awda dan tiket bertuah.



SUASANA kegembiraan akan lebeh bergemuroh lagi dengan helai ketawa bila munchol pelawak2 tempatan turut sama menghiborkan penunton2 yang menyaksikan pementasan Pesta Ria. Kelihatan dalam gambar ini, kumpolan Belait Trio, terdiri daripada Maaruf Manglan, Mohd Jun Md. Tajin dan Bakar Haji Lamit mempersembahkan sa-buah lawak jenaka sa-masa Pementasan Pesta Ria yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu LUMUT Daerah Belait baru2 ini.

# "Bertuturan" dalam wajah baru

BERTUTURAN pesaka budaya bangsa yang tidak pernah luntur popular-nya, menjadi sa-buah ranchangan radio yang mula menarek banyak peminat. Bertuturan yang menjadi saudara kandung di-angdangan yang dulu-nya chuma terkenal di-pantaran tetapi sekarang sudah lama berkumandang di-udara melalui siaran Melayu Radio Brunei.

Abdullah Awang Damit, Penerbit ranchangan Bertuturan ini sa-olah2 mempunyai tangan 'sakti' dalam mengolah 'folklore' atau cherita orang2 tua itu dengan teknik persembahan yang berchorak drama purba. Tajok2 ranchangan Bertuturan ini walaupun barangkali tidak sa-hebat atau sa-indah 'Six Million Dollar Man' tetapi ia mempunyai renchah2 kebesaran bangsa Melayu Brunei yang tidak kurang hebat-nya saperti Tuan Pemagat Ular Membaung atau Sultan Bunga Gambar Laut Gempita Alam. Sedap di-dengar bangga di-sebut.

Kerana itu dalam zaman sains dan teknoloji ini di-mana peti2 TV tersergam megah di-rumah2 yang menyampaikan wajah2 anak muda Amerika saperti Steve McGarett, Jaime Sommers dan Cannon maka dalam drama Bertuturan juga, kita menyampaikan kesah kehebatan anak2 muda menurut cherita orang2 tua yang barangkali sama hebat-nya dengan peranan anak2 muda dalam 'Water Margin'.

Ranchangan Bertuturan ini dapat di-ikuti melalui siaran Melayu Radio Brunei pada tiap2 hari Sabtu jam 7.30 malam dan ulangan-nya pada hari Ahad jam 3.10 petang.



GAMBAR atas kelihatan penerbit ruangan "BERTUTURAN", Awang Abdullah Awang Damit sedang membuat rakaman ranchangan tersebut dengan Awang Talib bin Abdul Rahman, Kampong Sungai Kebun Brunei. Awang Talib dudok di-tengah memakai songkok.

# Peraduan Serikandi tahun ketiga penu

SEMPENA menyambut ulang tahun ketiga tertuboh-nya perkhidmatan Radio melalui ranchangan Serikandi RTB akan mengadakan saperti di-bawah ini:—

(a) Peraduan masakan berpasokan (ini dibukakan untok 10 pasokan saja). Jika ramai, peserta2 akan di-undi satu pasokan dua orang.
(b) Jenis kek bericing.
(c) Jenis2 gubahan:
  i. Gubahan dari buah2an dan sayor2an.
(d) Kerajinan tangan:
  i. Membuat Permaidani dan
(e) Jenis2 keropok.

*SHARAT2 PERADUAN:*

1. Peserta2 boleh memasoki dua jenis peraduan saja, terbuka pada semua kaum wanita di-segenap lapisan di-negeri ini.
2. Borang2 peraduan boleh di-dapati di-Tingkat III me Ta
3. Bo pa
4. Ta jar ak
5. Ta 'D 8.0 B, 8.3 lev
6. Re sar
7. Ma per yar me

## Hadiah Istimewa untok Peraduan Serikandi



# Ranchangan Serikandi di-awalkan minggu ini

PELAJAR2 Kelas Dewasa bagi kawasan Seria dan Kuala Belait, minggu ini akan berpeluang menyaksikan sekitar lawatan mereka ka-Bandar Seri Begawan melalui ranchangan SERIKANDI. Di-samping itu juga, para peminat Serikandi akan di-sajikan dengan tunjok-chara menyusun meja hidangan. Saperti biasa di-akhir ranchangan ini Serikandi tidak lupa membawa puan2 ka-sudut masakan. Masakan kita minggu ini bernama "BISKUT DURIAN".

SA-LAIN dari itu, kapada suri2 rumat-tangga, wanita2 dan peminat2 Serikandi yang ingin menyertai Peraduan Serikandi sempena ulang tahun ka-3 RTB Brunei pada 9hb. Julai, 1978, sila ikuti sharat2 peraduan yang telah di-sediakan oleh Penerbit SERIKANDI (atas).

PERHATIAN

Peminat2 Serikandi perlu di-ingatkan bahawa untok minggu ini sahaja Ranchangan Serikandi akan di-siarkan pada jam 6.30 petang pada hari Isnin 26hb. Jun, 1978.

# KERJAYA DALAM PASOKAN ASKAR MUDA MELAYU DIRAJA BRUNEI





PASOKAN Askar Melayu Diraja Brunei mulai tahun depan akan memulakan satu latehan khusus bagi pemuda2 yang berumor antara 15 hingga 16 tahun dan mereka mestilah berminat dalam aliran pendidekan sains dan kegiatan luar-dalam kerjaya tentera.

Mereka akan di-lateh dalam sekolah yang di-namakan Pasokan Askar Muda Melayu Diraja Brunei dan akan menerima latehan dalam pendidekan akademik dan teknikal yang juga di-gabongkan dengan latehan tentera sa-lama $2\frac{1}{2}$ hingga 3 tahun bertempat di-Perkhemahan Bolkiah.

Pemuda2 yang terpileh ditempatkan di-bawah penyeliaan guru2 dan juru-lateh2 yang bertujuan untok meninggikan perkembangan kebolehan mereka ka-taraf maksima dalam menempoh chabaran hidup yang sentiasa berubah chepat.

Ada-lah di-fahamkan salepas mereka menjalani latehan tersebut pemuda2 itu akan di-ambil berkhidmat dengan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei sa-lama tempoh lima tahun dan sa-sudah itu mereka boleh-lah memileh samada berhenti atau menyambong kerjaya mereka dalam pasokan tersebut.

Mereka yang ingin memohon ka-pasokan ini mesti-lah menchapai umor antara 15 hingga 16 tahun pada 1hb. Januari, 1979 dan raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia samada telah memasoki tingkatan I, II atau III di-dalam aliran Melayu atau Inggeris atau telah lulus tingkatan I, II dan III di-salah satu aliran itu.

Antara latehan2 akademik dan ketenteraan yang akan diberikan di-sekolah itu termasok-lah Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Ilmu Fizik, Ugama Islam, Pelajaran Alam Sekeliling yang di-ajarkan di-perengkat biasa ('O' level).

Latehan vokashenal akan diberikan dalam Pertukangan Kayu, Pertukangan Besi, Pemeliharaan Kenderaan, Radio bagi melayakkan untok menjalani latehan lanjutan disamping mereka akan menjalani latehan ketenteraan dan beberapa latehan pengambaraan dan latehan2 kegemaran akan di-sediakan.



Semasa menjalani latehan tersebut pemuda2 yang terpileh itu juga akan di-berikan pakaian seragam dan buku2 pelajaran perchuma di-samping menerima elaun bulanan sa-banyak $60.00 sa-orang. Elaun tambahan akan di-beri kapada mereka yang di-naikkan pangkat, Apabila meningkat umor $17\frac{1}{2}$ tahun mereka akan di-beri gaji yang sa-taraf dengan orang dewasa.

Borang2 pengambilan boleh di-dapati daripada:

**Pegawai Pengambilan Rekrut,**
**Pusat Latehan,**
**Perkhemahan Bolkiah,**
**atau daripada**
**Pengetua2 Sekolah,**
**atau hantarkan borang dibawah ini kapada alamat diatas tidak lewat pada 31hb. Julai, 1978.**



## PASOKAN ASKAR MUDA MELAYU DIRAJA BRUNEI

Nama : ..................................................

No Kad Pengenalan : ................Tarikh di-lahirkan : ..................

Nama Sekolah : ..................................................

Tingkatan : ..................................

Alamat : ..................................................

..................................................

..................................................

Tel No : ..................................

..................................

*Tanda-Tangan*

# PERLAWANAN BOLASEPAK SA-CHARA PERSAHABATAN DENGAN LIMBANG

DARI: MASRI HAJI IDRIS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perlawanan bolasepak sa-chara persahabatan antara pasokan Jabatan Ukor dan Tanah Limbang dengan pasokan Bolasepak Jabatan Ukor, Brunei, telah di-langsongkan di-Padang Gadong sini baru2 ini.

Dalam perlawanan sa-chara persahabatan tersebut pasokan Jabatan Ukor Brunei telah menewaskan pasokan Limbang itu dengan 3 gol berbalas 1 gol.

Terdahulu dari itu, pemain bolasepak dan pegawai2 dari Jabatan Ukor Brunei, ia-itu sa-bagai tuan rumah telah menyambut dan mera'ikan pasokan dari Limbang itu dalam satu majlis jamuan di-Pusat Belia.

Menurut sa-orang juruchakap, Ketua dan pasokan bolasepak Jabatan Ukor dan Tanah Limbang, me-reka terharu melihatkan sambutan yang telah diberikan kapada mereka yang tidak di-sangka2 sunggoh muhibbah. Mereka menyampaikan undangan supaya pehak tuan rumah (Pasokan Bolasepak Jabatan Ukor Brunei) akan mengadakan lawatan muhibbah ka-Limbang disamping mengadakan berapa perlawanan bolasepak sa-chara persahabatan.

Sa-orang juruchakap dari pasokan Jabatan Ukor Brunei, menyatakan kesediaan mereka untok menunaikan undangan itu, dan di-jangka akan mengadakan ka-Limbang kira2 dalam awal bulan Ogos depan.

Gambar kenang2an menunjokkan: Ketua Pasokan Bolasepak Jabatan Ukor dan Tanah Limbang bertukar2 chendera-mata dengan Ketua Juru Ukor Negara bagi pehak pasokan bolasepak Jabatan Ukor Brunei (Gambar kanan).

Sementara gambar kiri atas, pelawat dari Limbang itu menghadapi jamuan dalam satu majlis ramah-mesra yang telah di-adakan oleh tuan rumah di-Pusat Belia dan gambar kiri bawah kedua2 pasokan bolasepak itu bergambar ramai di-Padang Gadong, sejurus sa-belum perlawanan sa-chara persahabatan itu di-mulakan.







## Bolasepak antara Mukim2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 15 pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan bolasepak antara Mukim2 Daerah Brunei dan Muara, telah di-mulakan minggu lalu di-Padang Jalan Gadong.

Perlawanan tersebut di-anjorkan sempena menyambut perayaan hari ulang tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-32, tahun ini.

Semua perlawanan2 bolasepak antara Mukim2 Daerah Brunei dan Muara ini di-adakan di-Padang Jalan Gadong mulai pukul 4.30 petang dan tertaklok kapada keadaan yang di-tetapkan oleh pehak penganjor.

## Lumba berenang

GADONG. — Majlis Sokan Pasokan Pulis Di-Raja telah mengadakan temasha lumba berenang antara yunit2-nya minggu lalu, yang telah di-langsongkan di-Kolam Berenang Mess Pegawai di-Ibu Pejabat Pulis Gadong sini. Sa-ramai 80 orang telah menyertai temasha 11 achara itu termasok lumba berenang berganti2 4x50 meter untok peserta lelaki dan wanita dan perlawanan tarek kalat lima sa-pasokan.

Bahagian 'B' telah memenangi bahagian lelaki dan Bahagian 'C' memenangi bahagian wanita.



## Perlawanan bola-tampar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan bola-tampar perengkat awal bagi Daerah Brunei/Muara anjoran Persatuan Bomba telah di-langsongkan di-sini minggu lalu. Perlawanan itu ada-lah bersempena dengan hari Keputeraan Paduka Sulong kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Perlawanan tersebut telah di-langsongkan di-gelanggang bola-tampar Pasokan Bomba di-Ibu Negeri. Sementara itu perlawanan bagi daerah2 Belait dan Tutong telah di-adakan di-gelanggang Pasokan Bomba Seria. Perlawanan perengkat akhir sa-negeri akan di-langsongkan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan kira2 pada penghujong bulan ini.

Sementara itu, sa-rombongan mengandongi 16 orang anggota Pasokan Bomba Labuan yang di-ketuai oleh Awang Hamidon bin Mohammad telah tiba di-sini minggu lalu bagi satu lawatan muhibbah salama empat hari ka-negeri ini.

Sa-lama di-sini, mereka telah menjadi tetamu kapada Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Sa-masa berada di-negeri ini pelawat2 itu juga telah mengadakan beberapa perlawanan sokan sa-chara persahabatan serta di-bawa melawat tempat2 yang menarek.

## Perlumbaan basikal

HAMPIR 80 orang peserta dari seluroh negeri telah menyertai perlumbaan basikal yang berlangsong di-Lapangan Terbang Lama, Berakas minggu lalu. Dalam achara perlumbaan pertama sa-banyak 15 pusingan telah di-menangi oleh Awang Rosli bin Haji Mohammad Noor dan tempat kedua pula ia-lah Ivan Chia Kong.

Sementara itu Kumpolan Style Welding Company telah mendapat tempat pertama dalam achara perlumbaan kedua sa-banyak dua puloh pusingan bagi kumpolan dan tempat kedua ia-lah Kumpolan Shimano.

Bagi peserta perseorangan achara ini telah di-menangi oleh Brian Hatton dan Awang Salim Sisa tempat kedua.

Bagi perlumbaan ketiga sa-banyak 10 pusingan telah di-menangi oleh Awang Abdul Ghani bin Haji Abu Bakar dan Jimmy Foo tempat kedua.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penyusun Latehan Jasmani, Awang Haji Hussain bin Haji Zainal. Perlumbaan tersebut telah di-anjorkan oleh Persatuan Basikal Amateur Brunei dan di-taja oleh Hong Lee Construction Company Limited.

Pengiran Mustapha
menulis dari
LONDON



# MENUNTUT DI-GREAT BRITAIN

(Sambongan)

SUNGGOH pun sekatan terhadap kemasokan penuntut2 dari luar negeri telah di-ambil oleh Kerajaan Inggeris tetapi ini tidak bererti bahawa peluang untok melanjutkan pelajaran di-Great Britain sudah di-tutop. Bagi penuntut2 Brunei yang akan melanjutkan pelajaran mereka ka-negeri ini ada dua kategori ia-itu atas perbelanjaan sendiri dan atas biasiswa Kerajaan Brunei atau dari badan2 lain.

Sa-belum ketetapan dibuat untok mengatorkan perjalanan ka-Great Britain, penuntut2 hendaklah meneliti baik2 tentang surat-menyurat dari institiut yang memberi tawaran tempat belajar itu. Biasa-nya ada terdapat tiga jenis tawaran yang dibuat oleh institiut yang memberi pertimbangan kapada pemohon2 ia-itu: -

provisional offer
(tawaran sementara)
conditional offer
(tawaran bersharat)
definite offer
(tawaran tetap)

Apabila tawaran2 sementara dan bersharat itu di-terima, penuntut jangan-lah mengambil kesimpulan dan terjun melintang membuat keputusan sendiri bahawa permohonan tempat belajar sudah di-dapati. Ada beberapa perkara lagi yang maseh di-kehendaki oleh pehak institiut yang memberi tawaran sementara itu, umpama-nya mereka berkehendakan penjelasan tentang kebolehan pemohon dalam bahasa Inggeris, jaminan2 kewangan, kedudokan kursus yang di-tawarkan sama ada chukop bilangan penuntut yang akan mengikuti-nya atau tidak dan mungkin juga kedudokan tenaga pengajar belum dapat di-pastikan. Mengenai tawaran bersharat itu pula, pemohon2 di-kehendaki memenohi sharat2 yang di-kehendaki. Sa-hingga tawaran2 sementara dan bersharat itu telah di-susul oleh tawaran tetap maka baru-lah pemohon pasti di-terima belajar di-institiut yang berkenaan. Akan tetapi ada kala-nya pemohon terus mendapat tawaran tetap. Perkara ini tidak ada masaalah. Pemohon hanya di-kehendaki menyatakan sama ada ia bersedia menerima atau menolak tawaran tersebut.

Penuntut2 yang telah mendapat tawaran tetap dari institiut yang berkenaan dan bersedia menerima tawaran itu mesti-lah membuat persediaan2 yang di-perlukan untok keluar negeri. Sa-lain daripada membuat persediaan kewangan, penuntut mesti-lah mempunyai paspot dan sijil kesihatan antara bangsa. Suntekan penyakit taun dan chachar hendak-lah di-dapatkan dari kelinik kesihatan. Urusan untok mendapat kebenaran masok (visa) ka-United Kingdom mesti-lah di-buat lebeh awal. Untok urusan ini, Pejabat Pesurohjaya Tinggi British berkehendakan paspot, surat keterangan yang menyatakan sudah ada tempat belajar di-United Kingdom dan pengakuan kewangan yang chukop bagi bayaran pengajian dan perbelanjaan semasa berada di-United Kingdom. Bagi penuntut2 yang mendapat biasiswa Kerajaan tidak ada masaalah untok mendapatkan jaminan kewangan tersebut. Sekira-nya kebenaran masok ka-United Kingdom itu belum di-dapatkan dari Pejabat Pesurohjaya Tinggi British, maka perjalanan ka-United Kingdom itu jangan-lah dahulu diteruskan. Sunggoh pun paspot kita di-namakan "British Passport" dan digunakan untok pergi ka-United Kingdom, tetapi kita di-mestikan juga mempunyai Sijil Masok ka-United Kingdom (U.K. Entry Certificate). Sekiranya sijil tersebut tidak didapatkan, maka kita tidak akan di-benarkan masok ka-negeri itu.

Bagi penuntut2 yang akan belajar di-United Kingdom, kebenaran masok ka-negeri itu ada-lah semata2 kerana belajar, sahaja. Apabila kebenaran itu di-kenakan tidak tetap, ada bagi dua bulan atau enam bulan sahaja dan ada kala-nya pula satahun.

Sudah menjadi kelaziman penuntut2 yang pergi ka-United Kingdom itu dengan kapal terbang. Sabelum menetapkan tarikh penerbangan ka-United Kingdom itu, dengan sabeberapa yang boleh, hari ketibaan di-London itu jangan pada hari Sabtu dan Ahad. Banyak kesusahan2 yang akan di-tempoh jika tiba pada hari2 tersebut di-United Kingdom.

PERTAMA — bilangan penerbangan lebeh banyak yang mendarat di-Heathrow Airport berbanding dengan hari2 lain. Ini menyebabkan ramai penumpang, dan orang2 menyambut di-lapangan terbang pun ramai bilangan-nya. Oleh itu keadaan sebok di-lapangan terbang pada hari2 itu tidak dapat di-elakan.

KEDUA — ia-lah semua pejabat2 dan pusat2 pengajian di-tutop pada hari Sabtu dan Ahad. Jika ada perkara yang mustahak untok di-sampaikan atau di-selesaikan dengan pehak Kerajaan atau sekolah pada hari hujong minggu itu tentu-lah tidak dapat di-chapai. Kita mesti-lah menyedari bahawa salah satu daripada chara hidup orang Inggeris ia-lah mengamalkan yang di-panggil mereka "work to rule".

Penuntut mesti-lah sudah pasti ada tempat tinggal di-London atau ditempat belajar. Jika perkara ini belum ada kepastian elok-lah urusan tempat tinggal itu di-buat sa-belum berangkat meninggalkan Brunei. Bagi penuntut2 yang mendapat biasiswa sudah tentu-nya di-uruskan lebeh awal tentang tempat tinggal mereka. Masaalah tempat tinggal di-negeri ini ada-lah perkara yang susah untok di-atasi. Lebeh2 lagi kedatangan penuntut2 ka-negeri ini selalu-nya pada musim panas ia-itu ketika pelanchong2 datang berpusu2 ka-United Kingdom terutama-nya di-London. Kebanyakan hotel dan rumah2 sewa dikuasai oleh pelanchong2.

Sekira-nya penuntut ingin minta sambut kedatangan-nya di-Heathrow Airport oleh kawan atau saudara mara yang berada di-Great Britain molek-lah ia di-beri tahu lebeh awal dengan memaklomkan nama penerbangan yang di-tumpangi dan numbor-nya, tarikh dan waktu-nya bertolak dari Brunei dan sampai di-Heathrow Airport. Makloman yang demikian elok-nya juga di-berikan kapada pehak institiut yang akan di-tuju oleh penuntut supaya mereka mengetahui perjalanan penuntut itu. Jika ada perubahan terhadap perjalanan yang di-tetapkan itu hantar-lah makloman yang jelas dengan segera kapada yang berkenaan, sa-baik2-nya di-buat melalui talikawat.

Penuntut ada-lah dinasehatkan supaya membuat insuran nyawa bagi diri sendiri dan/atau bagi barang2 kepunyaan sendiri. Insuran nyawa dan insuran bagi kehilangan barang dalam perjalanan boleh di-urus sa-belum bertolak dari Brunei. Wakil2 insuran boleh didapati di-Brunei. Banyak sedikit perbelanjaan tentang insuran itu ada-lah bergantong kapada banyak nilai insuran itu dikehendaki.

BERSAMBONG




**Terperangkap dalam bilek bergas**

1. ambil sapu tangan dan basahkan dengan ayer tutopkan-lah kamulut dan hidong sa-telah mengambil nafas dalam2. Jika tidak ada kain dan ayer, ambil nafas panjang2 dan tahan dalam2 kemudian masok-lah kadalam bilek itu.
2. usahakan supaya jendela, pintu dapat di-buka dan tutop-lah gas itu. Bawa-lah pesakit keluar dari dalam bilek itu dengan chara mengangkat, menghirit atau apa chara yang tidak menyakitkan si-malang yang kamu boleh buat.
3. sa-telah berada di-tempat semporna, tentukan udara berseh ada di-keliling dan lakukan-lah memberi pernafasan chara kaedah Holger Nilsen atau Silvester dan jika paru2 tidak bergerak, lakukan gerakan jantong dari luar.
4. hantar ka-hospital bagi rawatan sa-lanjut-nya.

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak

## bagi 24hb. hingga 28hb. Jun, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Birau | 24.6.1978 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 24.6.1978 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 24.6.1978 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| **Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah)** | 26.6.1978 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 26.6.1978 | Isnin | 3.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 27.6.1978 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 27.6.1978 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 28.6.1978 | Rabu | 8.30– 9.00 ,, |
| **Sekolah Melayu Serasa** | 28.6.1978 | Rabu | 10.00–10.30 ,, |
| Sekolah Melayu Mentiri | 28.6.1978 | Rabu | 10.45–11.15 ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 28.6.1978 | Rabu | 11.30–12.00 T/hari |

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. PEGAWAI PERKAMUSAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus matapelajaran Bahasa Melayu (Perengkat Tertinggi) dan matapelajaran Bahasa Inggeris (Perengkat Biasa); atau
b) Lulus matapelajaran2 Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (Perengkat Biasa) dan mempunyai pengalaman dalam kerja2 perkamusan dan istilah.
c) Keutamaan akan di-berikan kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman luas dalam perbendaharaan-kata Melayu Brunei dan Kesusasteraan Melayu.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 2 EB. 3 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428 / EB/ 1479-1530-1581-1632-1683.

2. PENOLONG PELUKIS TINGKATAN KHAS:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai diploma yang di-akui dalam seni grafik atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.
b) Mempunyai pengalaman yang luas dalam kerja2 seni grafik ilustrasi buku atau majallah.
c) Dapat menunjokan folio kerja2 yang pernah di-buat sa-bagai bukti pengalaman.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 2 EB. 3 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428 / EB/ 1479-1530-1581-1632-1683.

3. PELUKIS TINGKATAN II:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Brunei Cambridge (Perengkat Biasa) atau yang sebanding dengan-nya dan mendapat kepujian chemerlang dalam matapelajaran senilukis dan lulus dalam matapelajaran Bahasa Melayu.
b) Mempunyai pengalaman dalam kerja2 seni grafik ilustrasi buku atau majalah.
c) Dapat menunjokan folio kerja2 yang pernah di-buat sa-bagai bokti pengalaman.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 4 EB 5-6—$854-880-905-931-956-982-1007/EB/1046-1071-1122-1148-1173-1199-1224.

4. PEGAWAI PENYELIDEK:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mempunyai kelulusan matapelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu Perengkat 'A' dan sekurang2-nya dua matapelajaran Perengkat 'O' (tidak termasok matapelajaran Senilukis) yang lain dalam Sijil 'Am Pelajaran; dan mempunyai bakat dalam kerja2 penyelidekan kebudayan tempatan; ATAU
b) Mempunyai pengalaman yang luas dalam penyelidekan adat istiadat dan penyelidekan serta penyusunan salasilah tempatan.
c) Mahir menguasai dua bahasa (satu daripada-nya bahasa Melayu) dan dapat menulis dan membacha Jawi dengan baik.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 2 EB. 3 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428 / EB/ 1479-1530-1581-1632-1683.

5. PEMBANTU PENYELIDEK:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mempunyai kelulusan dua matapelajaran Perengkat 'O' (tidak termasok matapelajaran Senilukis) dalam Sijil 'Am Pelajaran dan dapat menguasai dua bahasa (satu daripada-nya Bahasa Melayu); dan
b) Mempunyai bakat dan / pengalaman dalam kerja2 penyelidekan kebudayaan tempatan serta dapat menulis dan membacha Jawi dengan baik.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4-5—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784/ EB / 845-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

6. PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN III:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485-497-510-523 / EB / 536-548-561-574-587-599.

7. PEMANDU TINGKATAN KHAS:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mempunyai lesen memandu Kelas V dan berpengalaman memandu kenderaan jenis Van atau yang sebanding dengan-nya sekurang2-nya sa-lama tiga tahun. Berumor di-antara 20 tahun dan tidak lebeh 45 tahun; dan
b) Keutamaan akan di-berikan kapada pemohon2 yang pandai membacha dan menulis dan dapat membaiki kerosakan2 rengan injin kenderaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485-497-510-523 / EB / 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb Ogos, 1978.

(E/495/78—Bil: 67/1978)

## TENDER NOTICE

**AIR CONDITIONING SYSTEM TO THE DEPARTMENT OF SECURITY AND INTELLIGENCE, KUALA BELAIT, BRUNEI**

REGISTERED Contractors of Class B and above are invited to submit tender for the complete supply and installation of Air Conditioning System to the Department of Security and Intelligence, Kuala Belait, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 16th June, 1978 onwards during normal office hours. The Tender deposit of $400.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 4th July, (Tuesday). Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: "Tender for supply and Installation of Air Conditioning System to the Department of Security and Intelligence, Kuala Belait, Brunei."

Our client, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei up to noon Monday 26th June 1978 for:—

CONSTRUCTION OF RUNNING TRACK BASE FOR SPORTS COMPLEX, AT POLICE HEADQUARTERS, JALAN GADONG.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders are to be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderers.
4. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows: —

CONSTRUCTION OF RUNNING TRACK BASE FOR SPORTS COMPLEX, AT POLICE HEADQUARTERS, JALAN GADONG.

5. Tender document may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier. Bandar Seri Begawan from Wednesday 14th June 1978 during normal working hours.
6. The tender deposit will be $300.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.
7. Tenders to be on the approved form.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**SERIAL No. 42(AC)78 AIR CONDITIONING INSTALLATON**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan from Registered Grade A and B air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 11th July, 1978 for the: —

PUBLIC WORKS DEPARTMENT WATERWORKS LABORATORIES, JALAN TASEK LAMA, BRUNEI.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the Tenderer's name or address and shall be marked 'Air Conditioning Installation, Public Works Department Waterworks Laboratories, Jalan Tasek Lama, Brunei.
4. The Form or Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The Tender deposit is $300.00 refundable to all Tenderers on receipt of a bona fide tender with all related documents in good condition.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**CONVERSION TO ELECTRIC KITCHEN EQUIPMENT, ASSOCIATED ELECTRICAL INSTALLATION AND ANCILLARY WORKS AT TEMBURONG/ BOLKIAH/TUTONG/ BERAKAS CAMPS.**

REGISTERED Class 'A' Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Kitchen Equipment, Associated Electrical Installation and Ancillary Works at Temburong/Bolkiah/Tutong/Berakas Camps.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 14th June, 1978 onwards during normal office hours. The Tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 4th July, 1978. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: "Tender for Conversion to Electric Kitchen Equipment, Associated Electrical Installation and Ancillary Works at Temburong/Bolkiah / Tutong / Berakas Camps.

Our client, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**SUB-SURFACE EXPLORATION FOR PROPOSED GOVERNMENT OFFICES AT MILE 1, JALAN TUTONG**

1. **TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the Office of the State** Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei from established soil investigation Contractors up to 12.00 noon Monday, 10th July, 1978 for the:—

"SUB-SURFACE EXPLORATION FOR PROPOSED GOVERNMENT OFFICES AT MILE 1, JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

2. Tenders received after this time will be rejected.
3. Tender documents and drawings can be obtained from Consulting Engineers, Bolton Hennessey Cogan and Associates, 146, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan upon payment of $100.00 tender deposit as from Wednesday 14th June, 1978 during normal office hours.
4. The tender deposit will be refundable upon receipt of a bona fide tender and tender documents.
5. Tenders must be submitted on the forms provided.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Kenyataan2 Tawaran JKR Kuala Belait

SERIAL No. 12/1978

1. TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas "B" dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 27hb Jun, 1978 bagi:—

MENGADAKAN PERABOT KAYU JATI KELAS III 20 UNITS BARRACK UNTOK SALORAN NAJIS, KUALA BELAIT DAN SERIA.

2. Pelan2 dan Penantuan (Specification) dan segala butir2 lain boleh di-perolehi di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait semasa Pejabat di-buka dengan wang chengkeram sabanyak $100.00 (Ringgit: satu ratus sahaja) yang mana akan di-bayar balek kapada kontrektor apabila semua dokumen2 dan lukisan2 tawaran di-kembalikan kapada Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait dalam masa tiga (3) minggu salepas tarikh tawaran di-tutop. Jika gagal berbuat demikian, wang chengkeram untok perkara yang tersebut di-atas akan hilang tanpa memberi apa2 Notice sa-lanjut-nya.
3. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-dapati dengan membayar chengkeram tawaran sa-banyak $250.00 (Ringgit: Dua ratus lima puloh sahaia).
4. Wang chengkeram akan di-kembalikan kapada penawar2 yang tidak berjaya sa-lepas keputusan-nya di-siarkan. Wang chengkeram bagi Penawar yang berjaya akan hilang jika ia menolak kejayaan-nya itu.
5. Tawaran2 mesti-lah di-masokan ka-dalam sampol surat yang bertutop dengan tidak mengenalkan nama penawar, di-atas sampol surat Tawaran bagi: "Mengadakan Perabot Kayu Jati Kelas III 20 Units Barrack Untok Saloran Najis, Kuala Belait dan Seria".
6. Tawaran2 yang di-buat lain daripada yang di-kehendaki akan di-tolak.
7. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sa-habis rendah sekali atau sebarang tawaran.

SERIAL No. 13/1978

1. TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas "B" dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 27hb Jun, 1978 bagi:—

MENGADAKAN PERABOT KAYU JATI KELAS III UNTOK 6 UNITS (FLAT) PEJABAT TALIKOM SERIA.

2. Pelan2 dan Penantuan (Specification) dan segala butir2 lain boleh di-perolehi di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait semasa Pejabat di-buka dengan wang chengkeram sabanyak $100.00 (Ringgit: satu ratus sahaja) yang mana akan di-bayar balek kapada kontrektor apabila semua dokumen2 dan lukisan2 tawaran di-kembalikan kapada Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait dalam masa tiga (3) minggu salepas tarikh tawaran di-tutop. Jika gagal berbuat demikian, wang chengkeram untok perkara yang tersebut di-atas akan hilang tanpa memberi apa2 Notice sa-lanjut-nya.
3. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-dapati dengan membayar chengkeram tawaran sa-banyak $250.00 (Ringgit: Dua ratus lima puloh sahaia).
4. Wang chengkeram akan di-kembalikan kapada penawar2 yang tidak berjaya sa-lepas keputusan-nya di-siarkan. Wang chengkeram bagi Penawar yang berjaya akan hilang jika ia menolak kejayaan-nya itu.
5. Tawaran2 mesti-lah di-masokan ka-dalam sampol surat yang bertutop dengan tidak mengenalkan nama penawar, di-atas sampol surat Tawaran bagi: "Mengadakan Perabot Kayu Jati Kelas III Untok 6 Units (Flat) Pejabat Talikom Seria".
6. Tawaran2 yang di-buat lain daripada vang di-kehendaki akan di-tolak.
7. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sa-habis rendah sekali atau sebarang tawaran.

## JABATAN PERTANIAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

1. TAWARAN2 ada-lah di-pelawa untok pembekalan turus2 kayu tanaman lada sulah, yang mempunyai butir2 berikut, kapada Jabatan Pertanian, Brunei: —

a) Jenis kayu:
BELIAN atau
SELANGAN BATU
atau
MELANGANGAI
atau
MELABAU
b) Sukatan: 11 kaki x 4 inchi x 4 inchi.

2. Para pembekal hendak-lah mengemukakan tawaran2 mereka dengan memberi maklumat2 berikut:—

a) Harga apabila di-terima di-Steshen Pertanian Kilanas bagi 1000 batang dan lebeh dalam longgokan2 1000 batang.
b) Tempoh pembekalan akan di-buat.
c) Sumber dan jenis kayu yang akan di-bekalkan.

3. Tawaran2 hendak-lah di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran, Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari pukol 12.00 tengah hari, hari Sabtu 1hb Julai, 1978 sampul surat tawaran2 hendak-lah di-beri tanda "Agricultural Department Pepper Planting Posts — Confidential".
4. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran2 yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## TENDER NOTICE

**SUPPLY AND INSTALLATION OF MINOR WORKSHOP EQUIPMENT TO THE PROPOSED DEPARTMENT OF SECURITY AND INTELLIGENCE, — MOTOR TRANSPORT WORKSHOP — GADONG.**

REGISTERED Contractor of Class 'C' and above are invited to submit tender for the complete supply and installation of Minor Workshop Equipments to Proposed Department of Security and Intelligence — Motor Transport Workshop — Gadong.

Tender documents can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 22nd June, 1978 onwards during normal office hours. The tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 11th July, 1978. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: "Supply and Installation of Minor Workshop Equipment to the Proposed Department of Security and Intelligence, Motor Transport Workshop — Gadong.

Our clients, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

# IBUBAPA DI-NASEHAT: JANGAN BIAR ANAK2 GADIS BERKELIARAN TANPA TUJUAN

BERAKAS. — Para ibubapa di-seru sekali lagi supaya mengawal anak2 gadis mereka supaya jangan berkeliaran tanpa tujuan, dan menjauhkan diri mereka dari pengaroh2 dadah yang amat kuat dan berbahaya itu.

Seruan tersebut di-buat oleh Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, ketika merasmikan Sokan Sekolah2 Menengah Atas Sa-Negeri Brunei Kali ke-12, di-sini, Ahad lepas.

Baharu2 ini, sabda Yang Amat Mulia, dalam serbuan pulis ka-sebuah rumah kediaman yang digunakan sa-bagai tempat penggunaan dadah, tidak kurang dari enam orang gadis belasan tahun di-jumpai dengan lelaki yang bukan keluarga-nya.

Bagaimana pun, menurut Yang Amat Mulia itu lagi perkara yang tidak di-ingini serupa itu akan dapat di-kawal dan maseh boleh di-kawal dengan ada-nya kerjasama dari Seluroh masharakat di-negeri ini.

Terdahulu dari itu Yang Amat Mulia itu mendzahirkan harapan-nya demi kepentingan dan kesejahteraan kita bersama di-negeri ini supaya akan terus bersama2 mempertahankan keselamatan dan ketenteraman yang sedang di-nekmati sekarang dan akan terus di-nekmati oleh jenarasi yang akan datang.

Sabda-nya, keselamatan dan ketenteraman yang sedang kita nekmati itu dapat kita laksanakan dengan chara mematohi peratoran dan undang2 negeri — menjauhkan diri kita dari membuat apa yang di-tegah dan di-larang; terutama menjauhkan diri dari anasir2 yang boleh menjerumuskan kita kadalam gaung yang burok dalam berbagai bentok itu.

"Pengawasan terhadap akhlak yang baik ada-lah sangat mustahak dalam pembentokan pemuda-pemudi yang akan bakal menjadi pemimpin hari esok. Dan kehidupan kita sabagai orang Brunei yang bersopan santun ada-lah perlu kita kekalkan", jelas Yang Amat Mulia.

Lebeh dari 268 orang peserta termasok 165 orang peserta perempuan dari 20 buah sekolah Menengah Atas telah mengambil bahagian dalam temasha sokan itu.

Sa-banyak 37 achara sokan dalam olah raga termasok 15 untok peserta perempuan telah di-pertandingkan.

Isteri Pesurohjaya Pulis telah menyampaikan hadiah2 di-akhir temasha tersebut.



Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bersabda merasmikan Temasha Sokan Sekolah2 Menengah Atas Sa-Negeri.

## Jujor dan amanah

Dari muka 1

Kata-nya, untok menuju atau menchapai kejujoran yang sa-benar-nya, menuju dan menchapai keadilan yang saksama dan jua mesaimbangkan dengan gaji dan kemudahan2 yang di-terima itu, kita sa-bagai umat manusia yang lemah, memerlukan asas2 bagi menentukan sifat2 itu.

"Al-hamdulillah, kita umat Islam telah di-korniakan oleh Allah Subhanahu-wataala asas2 itu melalui kitab suchi Al-Kor'an dan hadith2 yang terpakai," jelas Yang Berhormat itu.

"Saya tidak perchaya kejujoran yang sa-benar2-nya dapat di-amalkan tanpa chorak Islam; saya tidak yakin keadilan yang saksama dapat di-lakukan dan di-chapai tanpa melibatkan hukum Allah Subhanahu Wataala; dan, saya tidak mengakui amanah yang ditugaskan kapada kita semua itu dapat di-laksanakan dengan sempurna tanpa melibatkan asas2 yang di-tentukan oleh ugama kita yang maha suchi itu", demikian beliau menyatakan keyakinan-nya.

## Wang Shiling maseh di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengerusi Lembaga Matawang Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee mengumumkan bahawa sabilangan terhad wang2 shiling perak $10.00 bermutu peruf bagi Memperingati Hari Ulang tahun Kesepuloh Lembaga Matawang Brunei maseh boleh di-beli oleh orang ramai.

Kata-nya dari jumlah 3,000 keping wang2 shiling yang telah di-sediakan untok di-jual, hanya 500 sahaja yang maseh tinggal. Sa-tiap keping wang shiling itu tersimpan dalam sa-buah kotak hadiah yang juga mengandongi satu surat akuan ketulinan. Harga bagi sa-keping wang shiling itu ia-lah $55.00.

Wang2 shiling itu boleh di-beli dari pejabat Lembaga Matawang Brunei, tingkat bawah, Bangunan Setia Usaha Kerajaan di-sini pada tiap2 hari bekerja dari jam 8.00 hingga 11.30 pagi dan dari 2.00 hingga 3.30 petang.

## Tarikh tutop penyerataan di-tunda kpd 29hb Jun

BANDAR SERI BEGAWAN.—Tarikh tutop bagi menyertai peraduan2 nyanyian asli Brunei dan permainan tradisi Brunei di-lanjutkan sa-hingga 29hb Jun ini.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa Persembahan2 Belia2 Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menyatakan tujuan melanjutkan tarikh penutop itu ia-lah bagi membolehkan ramai lagi peserta untok menyertai peraduan2 tersebut.

Beliau juga mengingatkan kapada ahli2 persatuan belia yang belum lagi menghantar borang2 penyertaan akan berbuat demikian dengan sa-beberapa segera.

Peraduan Lagu2 Asli Brunei akan di-adakan di-Malam Kerabat MBB bertempat di-padang besar di-sini. Di-samping peraduan tersebut, Malam Kerabat MBB itu juga akan di-serikan nyanyian2, tarian2 dan lawak jenaka.

Sementara itu, Jawatankuasa Persembahan Belia juga telah bersetuju melantek Persatuan Belia Sengkurong untok mengelolakan Peraduan Gasing Berpasokan bagi Daerah Brunei/Muara. Peraduan tersebut akan di-jalankan sa-chara liga dan pemenang dalam peraduan ini nanti akan mewakili daerah ini ka-peraduan perengkat negeri.

## Hukuman2 terhadap penyalah-gunaan dadah

Dari muka 1

Memperdagangkan dadah yang di-kawal tanpa kebenaran terhadap orang2 di-bawah umor 18 tahun, hukuman bagi penggunaan dadah kelas "A" dan "B" ia-lah penjara sa-hingga 30 tahun atau denda $50,000 atau kedua2-nya dan sebat 15 kali, sementara menggunakan dadah kelas "C" ia-lah penjara sa-hingga 20 tahun atau denda $40,000 atau kedua2-nya dan sebat 10 kali. Hukuman yang paling rendah dalam bahagian ini ia-lah penjara 5 tahun atau denda $10,000 atau kedua2-nya dan sebat 3 kali bagi dadah kelas "A" dan "B"; sementara bagi dadah kelas "C" hukuman penjara sa-rendah2-nya 3 tahun atau denda $5,000 atau kedua2-nya dan sebat 2 kali.

Pengkilangan dadah yang di-kawal tanpa kebenaran, siapa2 yang di-dapati bersalah boleh di-hukum saperti kesalahan memperdagangkan dadah bagi kelas "A" dan "B", sementara bagi kelas "C" pula boleh di-hukum sa-hingga 20 tahun penjara atau denda $40,000 atau kedua2-nya sekali dan sebat 10 kali.

Hukuman yang sama juga akan di-kenakan kapada yang di-dapati bersalah mengimpot atau mengekspot dadah yang di-kawal tanpa kebenaran.

Kesalahan pemilekan dadah yang di-kawal tanpa kebenaran; menghisap, menggunakan sendiri atau memakan-nya boleh di-hukum sa-hingga 10 tahun penjara atau denda $20,000 atau kedua2-nya sekali.

Hukuman bagi kesalahan kerana memileki paip2 dan lain2 alat untok menghisap, menggunakan atau memakan dadah boleh di-hukum penjara sa-tahun atau denda $5,000 atau kedua2-nya.

Penanaman pokok cannabis, chandu dan coca ada-lah juga menjadi kesalahan yang boleh di-jatohkan hukuman penjara 20 tahun atau denda $40,000 atau kedua2-nya.

Bagi kesalahan penggunaan tempat juga sama ada tuan punya, penyewa, penghuni atau orang yang berkenaan dengan pengurusan bangunan dan membenarkan atau membiarkan kegiatan2 tertentu di-lakukan di-situ boleh di-hukum sa-hinga 10 tahun penjara atau $40,000 denda atau kedua2-nya.

Bersubahat atau menghasilkan perlakuan kesalahan di-luar Negeri Brunei yang boleh di-kenakan hukuman di-bawah undang2 yang serupa boleh di-jatohkan hukuman sa-hingga 10 tahun penjara atau denda $40,000.

Menghalang perjalanan kuasa2 dan gagal mematohi kehendak2 yang sah di-sisi undang2, pesalah boleh di-hukum penjara 3 tahun atau denda $5,000 atau kedua2-nya sekali. kali.

Gagal memberikan ma'alumat boleh di-hukum sa-hingga 3 tahun penjara atau denda $5,000 atau kedua2-nya. Siapa2 yang di-dapati bersalah kerana memberikan maalumat palsu boleh di-hukum penjara sa-hingga sa-tahun dan denda $5,000 atau kedua2-nya. Hukuman bagi yang gagal membekalkan chontoh ayer kenching untok pemereksaan juga boleh di-hukum denda sa-hingga $5,000.

## Perkhidmatan talipon STD

Dari muka 1

Beliau telah menghubongi Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz di-rumah kediaman-nya dan berchakap2 dengan Yang Berhormat itu.

Dengan bermula-nya perkhidmatan tersebut, pengguna2 talipon di-daerah tersebut boleh membuat panggilan ka-semua nombor talipon di-seluroh negeri.

Pengguna2 talipon di-Seria, Mumong, Kuala Belait, Labi dan Sungai Liang hendak-lah menggunakan kod 05 bukan 025 untok memanggil nombor2 ka-Daerah Temburong.

Projek perkhidmatan STD itu menelan belanja kira2 $45,000 dan boleh menampong 200 talian.

## EMPAT PEGAWAI DI-TETAPKAN JAWATAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan menetapkan jawatan empat orang pegawai kanan Kerajaan Baginda ka-jawatan2 yang mereka pangku. Tiga orang dari mereka di-tetapkan ka-dalam tangga gaji Kumpulan Tiga dan sa-orang lagi dalam tangga gaji B 3.

Mereka yang di-tetapkan jawatan ka-Kumpulan Tiga ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pg Anak Idris bin Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Muda Abdul Kahar yang telah di-tetapkan ka-jawatan Pesurohjaya Buroh. Penetapan jawatan Yang Amat Mulia itu bermula 1hb Mei, 1978.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Idris memangku jawatan Pesurohjaya Buroh sejak 28hb Disember, 1976.

Pengiran Jaluddin bin Pengiran Limbang di-tetapkan ka-jawatan Ketua Pos Agong mulai 1hb Jun, 1978.

Sa-belum memangku jawatan Ketua Pos Agong, Pengiran Jaluddin bertugas sa-bagai Setia Usaha Surohanjaya Perkhidmatan Awam sejak 1hb Januari, 1974.

Awang Chuchu bin Penglima Asgar Haji Abdullah telah di-tetapkan ka-jawatan Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan mulai 1hb Jun, 1978. Beliau memangku jawatan tersebut sejak 12hb Mei, 1977.

Sa-belum itu Awang Chuchu di-tugaskan sa-bagai Setia Usaha Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan sejak 1hb April, 1967.

Awang Ahmad bin Haji Ibrahim telah di-tetapkan ka-jawatan Timbalan Pengawal Pengangkutan Darat mulai 6hb Jun, 1978. Awang Ahmad ia-lah sa-orang jurutera yang memegang ijazah M. Sc. dalam bidang kejuruteraan mekinikal. Beliau mula memangku jawatan tersebut sejak 11hb April, 1977.

## Buku2 berchorak Ugama maseh di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 13 jenis buku yang berchorak Ugama maseh boleh di-perolehi dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Buku2 tersebut ia-lah Sekitar Ugama Rasmi, Menghayati Islam, Puisi Hidayat II, Seruan Mimbar, Guru Yang Di-Galati, Mimbar Fatwa, Lambayan Islam, Periwa, Menjelang Sungkai, Ka-arah Pendidekan Akhlak dan Peribadi Yang Sempurna, Mimbar Hadith II, Mimbar Hadith III dan Tafsir Darussalam 1 - 72.

Buku2 tersebut berharga $1.00 sa-naskah kechuali Puisi Hidayat II yang berharga $1.50 sa-naskah; Lambayan Islam $1.20 sa-naskah dan Tafsir Darussalam 50 sen sa-naskah.

Orang ramai yang berhajat untok membeli buku2 tersebut boleh-lah berhubong ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Penerangan dan Tabligh.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.